

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 207 ● 7 - 13 APRIL 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

PSKL2040: DBKL ambil kira pandangan semua



PELAN Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 terus menjadi polemik apabila terdapat segelintir pihak mendakwa proses penyediaan draf PSLK2040 tidak dilaksanakan dengan baik.

Wujud bantahan daripada persatuan penduduk dan badan

bukan kerajaan (NGO) mengenai kandungan draf PSLK2040 berkenaan pemuliharaan kawasan hijau dan kawasan lapang serta masalah terkait dengan pengangkutan awam dan perbandaran sekali gus mencadangkan proses perwartaan ditangguh

bagi memberi laluan kepada penambahbaikan penyediaan pelan tersebut.

Sebagai pentadbir bandar raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semestinya tidak meminggirkan setiap pandangan yang dikemukakan malah Ahli Jawatankuasa

Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA) yang dilantik oleh Menteri Wilayah Persekutuan sebelum ini telah meneliti setiap pandangan seterusnya bersetuju supaya pindaan draf PSLK2040 dilaksanakan.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Bazar Ramadan Rahmah

tawar juadah murah, berkhasiat

>>9-11





PSKL2040: DBKL mahu beri pemahaman mendalam kepada penduduk, NGO

DARI MUKA HADAPAN

SESI town hall berkenaan pelwartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 adalah bagi memberi peluang kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memberikan maklum balas berkaitan pandangan yang telah diberikan persatuan penduduk semasa sesi pandangan awam Draf PSLK2040 yang diadakan pada 18 Februari hingga 18 Mei 2020 lalu.

Bercakap mengenai perkara itu, Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB) DBKL, **Datuk Zulkurnain Hassan** berkata sesi town hall ini diadakan berikutan pihaknya menerima beberapa memorandum daripada gabungan persatuan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan badan bukan kerajaan (NGO) yang memohon untuk penangguhan pelwartaan draf terkini PSLK2040 selain turut

diminta agar ia diedarkan kepada orang awam untuk diteliti terlebih dahulu sebelum diwartakan.

"Sesi town hall ini adalah bertujuan untuk memberi pemahaman secara lebih mendalam kepada penduduk dan NGO berkenaan PSLK2040 yang bakal diwartakan tidak lama lagi dan melalui ucapan pembukaan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur berkenaan kepentingan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur yang mengandungi dua dokumen utama iaitu Pelan Struktur dan Pelan Tempatan," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menjelus lanjut, Zulkurnain berkata Pelan Struktur adalah salah satu dokumen pelan pembangunan Kuala Lumpur yang disebut dalam Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267].

"Di dalam Akta ini, ia menyatakan adalah menjadi tanggungjawab Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk menghasilkan pelan pembangunan

bagi menguruskan pembangunan di Kuala Lumpur dengan sistematik berdasarkan sistem perancangan bandar yang baik atau 'Good Planning Practise'.

"Pelan struktur adalah dokumen bertulis dalam bentuk kenyataan dasar, kenyataan strategi dan cadangan pembangunan serta hal tuju perancangan jangka panjang bagi mewujudkan tadbir urus bandar raya yang sistematik dan telus."

"Manakala Pelan Tempatan pula adalah dokumen bertulis yang akan menterjemahkan visi, dasar pelan struktur tadi kepada perancangan terperinci bagi setiap lot tanah di kawasan Kuala Lumpur dan ia mempunyai pelan khusus yang menunjukkan zon guna tanah dan zon intensiti keseluruhan tanah bagi kawasan Kuala Lumpur," katanya.

Menurut Zulkurnain, kebanyakannya telah mendapat beberapa pandangan yang kerap dibangkitkan oleh pemberi pandangan berkaitan town hall PSLK2040 yang sebelum

sesi pandangan awam Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

"Antara perkara yang diutarakan semula oleh penduduk adalah seperti proses penyediaan PSLK2040, kandungan PSLK2040 pemeliharaan kawasan hijau dan kawasan lapang serta isu-isu pengangkutan awam dan perbandaran."

"Selain itu, persatuan penduduk dan NGO juga mencadangkan supaya pindaan kepada Draf PSLK2040 diedarkan kepada orang awam sebelum pelwartaan diluluskan," katanya.

Beliau berkata semua pandangan awam yang diterima telah didengari dan diteliti oleh Ahli Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA) yang dilantik oleh Menteri Wilayah Persekutuan.

Menurut Zulkurnain, pihaknya telah mendapat beberapa pandangan yang kerap dibangkitkan oleh pemberi pandangan berkaitan town hall PSLK2040 yang sebelum

ini pernah diadakan.

"Antara pandangan tersebut adalah berkenaan peluasan Pusat Bandar Raya (CBD); bantahan pembangunan berintensiti tinggi di Taman Bukit Seputeh; bantahan cadangan koridor MRT3 yang melalui Taman Bukit Seputeh."

Tambah Zulkurnain, Draf PSLK2040 seterusnya telah diluluskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada 31 Ogos 2022 dan kini Draf PSLK2040 diangkat kembali untuk ulasan dan persetujuan menteri yang bertanggungjawab ke atas Wilayah Persekutuan untuk diwartakan," katanya.

"Pindaan telah dibuat bermula Februari 2021 hingga Ogos 2022. Kini, Draf PSLK2040 telah sedia diangkat untuk pertimbangan dan seterusnya kelulusan pelwartaan oleh Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas Wilayah Persekutuan," katanya.

WK

PM akan putuskan pelwartaan PSLK2040 selepas taklimat JWP

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memutuskan pelwartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 selepas mendengar pandangan semua pihak terutama pemegang taruh dan warga kota.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, **Azman Abidin** berkata keputusan mengenai pelwartaan PSLK2040 hanya akan dibuat

selepas taklimat dari-pada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) mengenai perkara itu dalam tempoh terdekat.

"Difahamkan keputusan mengenainya akan dilaksanakan selepas taklimat dilaksanakan dan Perdana Menteri akan meneliti pandangan



AZMAN

dan bantahan dari pelbagai pihak sebelum memutuskan sebarang keputusan," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Azman yang menerima memorandum daripada gabungan Persatuan Penduduk Kuala Lumpur (KLRA) yang terdiri daripada

55 persatuan penduduk dan pertubuhan Selamatkan Kuala Lumpur (SKL) telah menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menangguhan kelulusan draf PSLK 2040.

Sementara itu, setiausaha jawatankuasa pemandu Pasukan Petugas Inklusiviti KLSA+ BC Tan berkata DBKL harus telus

berhubung perubahan kepada draf KLSP.

"Kami merayu kepada DBKL untuk mengeluarkan dan mengedarkan draf terbaru KLSP kepada warga KL dan menganjurkan beberapa siri sesi town hall bersama kami untuk perbincangan menyeluruh mengenai draf terkini," katanya.

WK

PM seru umat Islam bertoleransi, ambil pedoman ajaran Rasulullah SAW

AZLAN ZAMBRY

UMAT Islam di negara ini mestilah mengambil pedoman daripada ajaran Nabi Muhammad SAW dalam menjunjung prinsip saling hormat-menghormati meskipun berlainan agama dan bangsa kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim**.

Jelas Perdana Menteri, prinsip tersebut selari dengan ajaran Islam yang mementingkan toleransi seperti berlakunya sejarah pemeteraian perjanjian Piagam Madinah atau dikenali sebagai Sahifah Madinah ketika tahun pertama hijrah.

"Perjanjian di antara Rasulullah SAW yang mewakili umat Islam dengan kaum kafir bertujuan untuk merangkul semua kekuatan yang ada dan memastikan semua pihak tunduk pada satu peraturan dan satu perlembagaan serta tidak memerangi umat Islam," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan pada Selasa.

Hadir sama kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Steven Sim Chee Keong serta Ketua Setiausaha



ANWAR (tengah) ketika Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan pada Selasa.

Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Marican.

Piagam Madinah telah dibuat oleh Nabi Muhammad pada tahun 622M bersamaan tahun pertama hijrah merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Kandungan

piagam ini terdiri daripada 47 fasil. 23 fasil piagam tersebut membincarkan tentang hubungan antara sesama umat Islam iaitu antara Ansar dan Muhaqirin.

Anwar berkata dalam menjaga kepentingan majoriti Melayu Islam

di Malaysia, prinsip saling menghormati dan hak semua rakyat perlu dijaga.

"Ini kerja keras kepada Kerajaan Perpaduan pimpinan saya. Kalau di Kemboja umat Islam diraikan, masjid jangan dirobohkan, hak

mereka dipertahankan, malah diangkat sebagai menteri untuk mewakili kepentingan mereka.

"Begitulah halnya kepada semua negara lain tanpa mengorbankan kepentingan kelompok majoriti," katanya.

Menceritakan pengalamannya berkunjung ke Kemboja baru-baru ini, Anwar berkata beliau menyaksikan sendiri layanan baik kerajaan Kemboja terhadap golongan minoriti muslim di negara itu.

"Saya sempat menyertai iftar anjuran Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen bersama 6,000 umat Islam di sana. Umat Islam di Kemboja hanya 10 peratus dan apabila diberi penghormatan, beri ucapan dan ke masjid di sana, saya sebut bahawa langkah ini menunjukkan negara majoriti (beragama) Buddha memberi dan meraikan kumpulan minoriti umat Islam dengan iftar dan beberapa ruang lain termasuk (melantik) menteri, seorang Muslim.

"Itu sebagai pengajaran, kadang-kadang kita yang majoriti (ini) menganggap tidak boleh meraikan kelompok (minoriti) lain dan ini bukan dianjurkan dalam pengajaran pedoman Nabi Muhammad SAW," katanya. **WK**

DBKL pelawa warga kota kemuka idea Belanjawan DBKL 2024

DALAM memenuhi kehendak dan aspirasi warga kota yang mahukan perkhidmatan cekap demi dan selesa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempelawa warga kota dan pemegang taruh

untuk mengemukakan idea dan cadangan yang akan dimasukkan dalam Belanjawan DBKL 2024.

Unit medianya berkata langkah yang diambil itu bagi memastikan Belanjawan DBKL 2024 dapat

disediakan dengan sempurna dan memenuhi keperluan serta harapan warga kota selaras dengan misi dan visi DBKL.

"DBKL mempelawa mereka yang berminat untuk mengemukakan idea dan cadangan melalui capaian Portal Idea Belanjawan DBKL 2024 yang berikut <https://sites.google.com/view/belanjawandbkl2024>.

"Cadangan dan idea yang ingin dikemukakan adalah berdasarkan kepada lapan program yang

disenaraikan iaitu Pembersihan Bandar dan Kesihatan; Kemudahan Infrastruktur Jalan Raya; Sistem Lalulintas dan Saliran; Penghijauan, Kemudahan Taman dan Kemudahan Rekreasi; Penyelenggaraan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat; Kesejahteraan Komuniti; Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil; Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan dan Kemudahan Awam Lain," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Ujar kenyataan itu, tempoh untuk mengemukakan idea dan cadangan belanjawan ini bermula pada 1 April sehingga 31 Mei 2023.

"Penglibatan warga kota dalam mengemukakan idea dan cadangan diharap dapat menghasilkan Belanjawan DBKL 2024 yang memenuhi keperluan sebenar warga kota dalam mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur," katanya. **WK**



BERIKAN IDEA & PENDAPAT ANDA

Idea Belanjawan

DBKL 2024

TARIKH / DATE

1 APRIL - 31 MEI 2023

<https://sites.google.com/view/belanjawandbkl2024>

SCAN QR





DBKL anjur 75 kursus sepanjang tahun

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB) Kuala Lumpur menganjurkan kira-kira 75 siri kursus bagi melatih dan mendidik penduduk perumahan strata dalam memahami hak dan tanggungjawab mereka.

Menurut Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) DBKL, **Sr Mohd Helmi Mohd Sany**

berkata sejak penubuhan COBKL pada 12 April 2007, pihaknya telah merangka dan melaksanakan pelbagai program pendidikan kepada komuniti strata.



MOHD HELMI



COBKL akan menganjurkan kira-kira 75 kursus bagi melatih penduduk perumahan strata untuk memberikan pemahaman mengenai hak dan tanggungjawab melalui JMB dan MC.

"Program-program pendidikan seperti bengkel, seminar, kursus dan konvensyen telah dilaksanakan sepanjang tahun bagi memupuk kesedaran dan memberikan kefahaman kepada warga kota terutamanya pemilik petak strata berkenaan hak dan tanggungjawab mereka," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Mohd Helmi, tujuan

utama kursus tersebut dilaksanakan adalah bagi mengukuhkan fungsi Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di kawasan pemajuan perumahan swasta berstrata yang selari dengan Pelan Strategik DBKL 2020-2030.

"Pada tahun ini COBKL tampil berbeza dengan memberikan fokus pendidikan secara langsung kepada

komuniti strata melalui pelaksanaan 75 siri kursus iaitu kursus Pengurusan Strata secara atas talian, kursus asas Pengurusan Strata, Kursus Pemantapan Pengurusan Strata dan Kursus Pemerkaasan Pengurusan Strata.

"Kesemua 75 siri kursus ini akan disampaikan oleh pegawai dan penolong pegawai di Bahagian

Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL yang telah bermula dari Januari hingga Disember 2023," katanya.

Tambahnya, pelbagai topik-topik menarik akan dikupas, dicerakim dan diulas oleh penceramah-penceramah daripada COBKL yang rata-ratanya mempunyai pengalaman secara

langsung menguruskan aduan dan pertikaian berkaitan pengurusan strata.

Menurut beliau, pada tahun ini COBKL juga akan tampil semula dengan program bual bicara Coffee Talk COBKL: Pengurusan Bangunan Berstrata yang mengambil kira kehangatan dan sambutan warga kota melalui pelaksanaan 10 siri program ini pada tahun 2022.

"Pada tahun ini kami tampil dengan penambahan kepada 52 siri yang akan ditayangkan setiap minggu bermula bulan Februari 2023."

"Menariknya sesi bual bicara pada tahun ini ia turut akan menampilkan wakil-wakil daripada beberapa agensi yang berkait rapat dengan masalah strata iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Suruhanjaya Tenaga, Malaysian Institute of Property & Facility Managers dan agensi-agensi lain berkaitan," katanya.

Tambahnya, semua kursus dan program tersebut boleh dihadiri secara percuma oleh warga kota dengan mendaftar melalui pautan yang disediakan pada poster kursus dan program dari semasa ke semasa.

W.K

Malaysia kemuka pencalonan bersama kebaya ke UNESCO

MALAYSIA bersama Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand menyerahkan pencalonan bersama bagi pakaian tradisional kebaya ke Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di bawah Representative List of The Intangible

Cultural Heritage of Humanity bagi tahun 2023.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berakata lima negara itu mengemukakan pencalonan bersama bagi kebaya ke UNESCO untuk mewakili dan meraikan kekayaan warisan sejarah negara di samping menggalakkan

persefahaman silang budaya dan pemakaianya di serata rantau Asia Tenggara.

"Usaha pencalonan ini adalah untuk memastikan kebaya dilindungi melalui penyampaian pengetahuan (kursus formal dan bengkel), usaha promosi dan usaha dokumentasi atau penyelidikan

dengan sokongan negara-negara yang mencalonkan elemen kebaya dan komunitinya.

"Secara umumnya, kebaya merupakan pakaian tradisional wanita yang melambangkan warisan budaya masyarakat Malaysia yang dilihat bukan sahaja boleh diwarisi malah memberi

peluang untuk memperkenal dan mempromosikan di serata rantau Asia Tenggara," jelas MOTAC.

Keputusan bagi pencalonan ini akan ditetapkan dalam sesi ke-19 Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage pada tahun 2024.

W.K



Terpedaya bazar Ramadan

MACAM-MACAM kisah berlaku di bazar Ramadan seluruh negara. Daripada harga mahal hingga kepada rasa makanan tidak sedap serta tidak berbaloi dengan harga sudah dipaparkan.

Maklum di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan Putrajaya memang banyak bazar Ramadan di merata tempat. Ini ditambah dengan bazar di lokasi sempadan seperti Petaling Jaya dan Gombak yang juga dikunjungi warga WP atau sebaliknya. Jadi banyaklah kisah berlaku.

Harga makanan mahal jelas kerana sikap peniaga yang hendak untung banyak lalu menjual dengan harga mahal. Mereka tidak terfikir biar murah sedikit tetapi kuantiti dijual banyak. Ini lebih baik daripada harga mahal dan orang tidak membeli. Untung yang diharap boleh membawa rugi.

Sudahlah mahal, ada aduan makanan tidak sedap pula. Kawan-kawan Kedai Kopi rasa ini tentu daripada peniaga yang hanya muncul pada bulan Ramadan sedangkan dia tidak biasa masak memasak atau membuat kuih.

Ada pula kes di mana makanan yang dijual sudah tidak elok atau basi. Mungkin kerana

terlalu awal disiapkan sebelum dijual. Kerana itu juga ia tidak tahan begitu lama, cepat buruk. Pelanggan yang jadi mangsa. Apabila sampai ke rumah makanan tidak boleh dimakan.

Dalam keadaan seperti ini tentunya pembeli akan menudung jari kepada peniaga. Kemungkinannya orang ramai tidak akan mengunjungi gerainya lagi. Tetapi rupanya ada kes di mana ia bukan salah penjual tetapi pembekal atau vendor makanan.

Ini terjadi bagi penjual yang bergantung kepada pembekal bagi bahan jualannya bukan membuat sendiri. Kawan-kawan Kedai Kopi ingin menyentuh mengenai kes yang tular di mana pembekal menjual semula karipap yang tidak laku.

Perkara ini didedahkan oleh seorang pembeli apabila seorang ahli keluarganya terkena cirit-birit setelah makan karipap berkenaan. Dia kemudian melaporkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang kemudian menjalankan pemeriksaan.

Hasil pertemuan dengan peniaga dan pembekal, pembekal berkenaan mengaku karipap itu adalah lebihan hari sebelumnya. Dia menjangka masih elok dan kerana itu menjualnya semula walhal sudah berkulat.

Kawan-kawan Kedai Kopi harap peniaga atau pembekal hendaklah jujur. Jangan kitar semula lebihan makanan yang tidak laku kerana ia membahayakan pembeli. Dalam usaha mencari rezeki, jangan sampai menyusahkan orang lain.

Elak tertipu ke Mekah

LEMBAGA Tabung Haji (TH) baru-baru ini mengantang lesen sebuah syarikat Pengelola Jemaah Haji (PJH), ekoran beberapa aduan daripada orang ramai berhubung pakej perkhidmatan umrah yang disediakan oleh syarikat berkenaan.

Memetik kenyataan Tabung Haji seperti dilaporkan media, tindakan itu adalah sebagai langkah awal melindungi kebajikan bakal jemaah haji dan umrah.

Sehubungan itu menurut TH, orang ramai yang ingin mengerjakan haji melalui pakej swasta boleh memilih antara 22 syarikat PJH yang dilesen. Ini termasuk anak syarikat TH sendiri, TH Travel & Services Sdn Bhd.

Kisah mengenai jemaah umrah atau haji terkandas angka syarikat pengendali jemaah haji sudah kerap kedengaran. Antaranya termasuk tidak mendapat visa hingga saat akhir walaupun sudah dijanjikan lebih awal akan mendapatnya.

Seterusnya penangguhan demi penangguhan penerbangan tanpa memberi penjelasan telus kepada jemaah apa sebenarnya berlaku. Akhirnya, ramai bakal jemaah dari seluruh negara termasuk Wilayah Persekutuan, yang tersadai di lapangan terbang.

Kawan-kawan Kedai Kopi begitu bersimpati kerana tunggu demi tunggu penerbangan kenyataan tidak juga kunjung tiba. Berkali-kali

ditangguh dan jemaah tetap bersabar. Tetapi setelah nyata peluang tiada, jemaah terpaksa pulang ke kampung halaman masing-masing.

Mereka memandam rasa kecemasan yang amat sangat kerana gagal menjelaskan kaki ke tanah suci yang sangat diidamkan. Di sudut hati juga sangat sedih dan terkilan kerana ditipu dan dianiaya oleh syarikat pengelola yang ternyata hanya memperdaya.

Syarikat kemudian lepas tangan tidak ambil tahu nasib jemaah. Wang yang telah dibayar juga tidak atau lewat dipulangkan walaupun telah diminta berkali-kali. Waktu meminta bayaran, hendak wang cepat. Untuk ganti balik begitu liat.

Kerana itu pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, memang wajar bagi TH bertindak terhadap syarikat pengelola jemaah haji atau umrah yang tidak melaksanakan amanah yang diberi. Jangan sampai lebih ramai lagi akan terpedaya.

Perbuatan seperti itu boleh memburukkan nama baik syarikat-syarikat lain yang beroperasi dengan jujur serta sentiasa mengambil berat kepentingan jemaah. Oleh itu, tindakan yang diambil adalah sebagai pengajaran bagi semua PJH.

Ini juga sebagai peringatan kepada bakal jemaah agar berhati-hati memilih syarikat pengelola jemaah. Pilih yang benar-benar berwibawa dan terbukti telah memberi khidmat bakti terbaik. Jika silap pilih memang boleh membawa padah. Akhirnya diri sendiri yang rugi.





KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SETIAP kali melewati kawasan Masjid India, saya segera terbawa dalam ingatan masa lalu di sebuah kawasan penjaja bernama Benteng yang sudah lama hilang. Tapak kawasan penjaja itu didirikan bangunan pada awal 1990-an dulu. Serentak itu berakhirlah sebuah port penjaja makanan yang popular di Kuala Lumpur.

Mengingat Benteng akan menjungkir balik tentang seorang penjaja, Abang Tapa yang ada dalam sejarah hidup saya. Kenangan di Benteng atau Kuala Lumpur tidak sempurna tanpa ingatan kepada Abang Tapa. Budi pekerti dan jasanya membuatkan saya lebih mengingati sekalipun hanya seorang penjaja.

Abang Tapa seperti tahu akan keadaan saya yang sering kesempitan duit pada zaman awal bekerja di Kuala Lumpur. Kerap dia belanja saya makan dengan percuma, dan kata seperti selalu, "Sesekali belanja kawan-kawan."

Mungkin juga kerana dia selalu melihat saya hanya mengambil satu lauk sahaja. Minum hanya ais kosong. Semua itu kerana terpaksa 'ikat perut' sementara menunggu hari gaji. Saya percaya lebih baik 'ikat perut' daripada kelaparan kerana kehabisan duit.

Saya masih ingat hari itu pertengahan Jun tahun 1984. Bersamaan pertengahan Ramadan yang pertama disambut berjauhan dengan ibu, ayah dan keluarga di kampung halaman. Detik itu adalah enam bulan pertama saya hidup sebagai wartawan di Kuala Lumpur.

Maknanya dalam tempoh itu saya perlu pandai berjimat dalam berbelanja. Tidak ada sesiapa yang boleh diminta pertolongan, apa lagi bantuan kewangan. Tidak ada. Kawan-kawan pun tidak ada yang lebih berada, malah mereka juga berdepan dengan himpitan yang sama.

Akan tetapi berjimat dalam keadaan bergaji kecil dan belanja sara hidup yang tinggi, ibarat berselimut dengan kain yang kecil, tutup di kepala dan kaki akan terbuka. Bagaimanapun hidup mesti diteruskan kerana percaya bahawa keadaan yang sedemikian tidak akan selamanya.

Cumanya untuk menunggu perubahan itu, laluan yang perlu ditempuh sangat memerlukan sekali gus mencabar. Dengan gaji RM325 dan eluan pengangkutan RM200, itulah untuk belanja makan minum, sewa rumah dan menghantar kepada ayah dan ibu



ADA manusia yang sengaja dijelaskan di tengah-tengah kelompok manusia kebendaan sebagai teladan kepada orang di sekeliling.

di kampung.

Yang tidak boleh dimungkirkan adalah sewa rumah, belanja tambang bas mini untuk pergi dan balik ke tempat kerja serta keluar membuat tugas dan hantar duit ke kampung. Soal makan minum seorang diri di Kuala Lumpur boleh diunjur atau dikurangkan mengikut kemampuan dan keadaan.

Utusan Melayu ketika itu membayar gaji sebanyak dua kali sebulan – pada pertengahan dan hujung bulan. Hari itu belum sampai tarikh gaji pertengahan bulan. Duit dalam poket hanya cukup-cukup untuk belanja tambang sebelum mendapat gaji.

Hari itu saya tidak bekerja dan kawan serumah sudah berjanji membawa balik lebih nasi bungkus berbuka puasa di pejabat. Sambil berjalan pun sudah terbayang akan keenakan nasi bungkus itu. Menunya ringkas – sekutu ayam, kuah kari, nasi dan sayur. Itupun sudah sangat menyelerakan.

Saya sengaja berlama-lama sebelum balik ke rumah sewa kerana kawan-kawan sampai ke rumah lebih kurang pukul 9 malam. Maka berpeleseran dulu di Jalan Tuanku Abdul Rahman (Jalan TAR) sambil menikmati suasana Ramadan di Kuala Lumpur. Keadaan agak melemaskan dan orang ramai berduyun-duyun hilir mudik membeli persiapan hari raya.

Gedung pakaian Globe Silk Store dan Mun Loong di Jalan TAR

bagai hendak pecah - padat dan sesak dengan pengunjung. Itulah antara gedung pakaian terbesar pada awal 1980-an. Selebihnya bolehlah berbelanja di Pasar Raya Yaohan dekat Chow Kit atau Batu Road Supermarket.

Kemudian melalui kawasan penjaja di Benteng yang dijadikan tempat letak kereta sebelah siang dan kawasan menjaja pada malamnya. Semua jenis juadah di situ datang dari seluruh Malaysia – utara ke selatan dan dari pantai barat ke pantai timur. Penajanya datang dari pelbagai ceruk rantau negara ini.

Abang Tapa, penjaja nasi campur antara yang saya kenal di kawasan itu. Beberapa kali juga makan di situ dan memang menepati selera. Tidak kira masakan daging, ikan atau ayam, semuanya membuatkan saya teringat-ingat akan keenakkannya.

Selalu bersempang dengan Abang Tapa apabila singgah makan waktu tengah makan terutama ketika baru mendapat gaji. Hanya itulah masa untuk makan yang agak istimewa berbanding hari biasa. Abang Tapa merantau dari Johor dan menjadi penjaja adalah kerja terakhirnya.

"Singgah dulu. Berjalan laju semacam saja. Mana kawan-kawan lain?" tegur Abang Tapa. Seperti biasa dia tidak menang tangan melayan pelanggan yang tidak mendapat tempat duduk ketika berbuka puasa. Pelanggan sanggup menunggu untuk mendapatkan

tempat duduk.

"Saya nak balik dah bang," jawab saya ringkas.

Saya segan dengan Abang Tapa kerana selalu sangat tidak mahu mengambil bayaran. Katanya, dia belanja makan kawan-kawan. Padahal itulah sahaja punca pendapatan untuk keluarga. Beberapa kali saya dan kawan serumah dibelanjanya. Banyak juga kalau dihitung dengan duit.

"Berbuka di mana?" tanya Abang Tapa sekalipun dalam kesibukan melayan pelanggan.

"Dah berbuka tadi. Minum saja. Nak makan di rumah," jelas saya.

"Kalau macam tu, mari makan sini. Balik terus rehat saja," pintas Abang Tapa.

Sebenarnya saya teringin dengan lauk-pauk yang terhidang di atas meja di gerainya. Saya pun mula berkira-kira duit belanja yang diperlukan sementara menunggu hari gaji. Masih boleh lagi makan di gerai Abang Tapa malam itu. Terlupa seketika nasi bungkus yang dijanjikan kawan di rumah.

"Malam ini abang belanja kau. Lagi pun dah lama tak nampak melintas di sini," kata Abang Tapa sambil menghulurkan sepinggan nasi putih untuk saya pilih lauknya.

"Jangan bang, kerja abang menjual makanan. Itu punca rezeki abang. Malam ini saya bayar. Ada orang lain yang lebih layak diberi percuma," sahut saya dalam keadaan segan.

Bagaimanapun Abang Tapa bersungguh-sungguh hendak

belanja makan malam itu. Sekalipun keikhlasan itu bukannya benda yang nampak di mata, akan tetapi dapat dirasa daripada kata-kata dan wajahnya. Saya percaya malam itu Abang Tapa dengan ikhlas mahu memberi makan kepada orang yang kesempitan seperti saya.

Selepas tapak Benteng dijadikan bangunan pada awal 1990-an, saya sudah terputus hubungan dengan Abang Tapa. Sekalipun tidak berjumpa. Walaupun begitu jasa dan peribadi mulia Abang Tapa tidak pernah hilang. Tidak pernah mungkir melintas di layar kenangan.

Saya menganggap manusia yang bernama Abang Tapa itu sengaja dijelaskan di tengah-tengah kelompok manusia kebendaan sebagai teladan kepada orang di sekeliling. Sekiranya Abang Tapa terbaca catatan ini, percayalah 'budak kurus kedung' yang dulunya selalu dibelanja makan percuma tidak pernah lupa akan semua jasa baik itu.



SEBENTUK RUANG BERNAMA SEPI

Saat tinggalkan rumah
kenangan itu
Ada lagi mimpi
yang belum usai dipahat
Masih terngiang
tawa dan canda
Wajah-wajah cilik
merengek dalam manja
Tagih mainan
dan belikan gula-gula
Tanyakan,
"Papa kan pulang jam berapa?"

Sesungguh rindu
pagi hari minggu
yang sering diganggu
Oleh bingit tengkar
di sudut kamar
Inginkan ku canting kisah
dan bercerita jenaka
Terus mereka mugekek tawa
Kini semuanya
berpanjang kenangan.

Tiada yang pernah tersisa
Cengkerik enggan lagi menyanyi
Bintang pun tak sudi menemani
Cuma elus usang
dalam picisan hayat
Sepi, sunyi... menunggu mati.

RIO RASHID
Presint 9, Putrajaya.

t.me/wilayahku

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!

Tempias ekonomi MRT Putrajaya-KL

PEMBUKAAN sepenuhnya laluan Transit Aliran Massa (MRT) menghubungkan Putrajaya dan Kwasa Damansara pada 16 Mac lalu mencatat sejarah baru dalam sektor pengangkutan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya khasnya.

Pembukaan tersebut adalah Fasa 2 MRT Putrajaya-Kwasa Damansara menghubungkan Putrajaya dan Kampung Batu. Fasa 1 MRT tersebut telah dibuka Jun tahun lepas yang menghubungkan Kampung Batu dan Kwasa Damansara dengan jarak 17.5 kilometer.

Laluan Putrajaya ke Kampung Batu ialah sepanjang 40.2 kilometer. Ini bermakna laluan keseluruhan MRT Putrajaya-Kwasa Damansara ialah 57.7 kilometer.

Ibu negara Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran Putrajaya kini dihubungkan terus melalui MRT sebagai alternatif pengangkutan kepada orang ramai yang hendak ke Putrajaya dari Kuala Lumpur dan sebaliknya atas apa juga urusan.

Selama ini kebanyakan mereka berkenderaan sendiri. Kini dengan menaiki tren tidak lagi perlu memikirkan untuk memandu atau di mana hendak parkir kenderaan di Putrajaya yang memang kurang tempat parkir.

Pada hemat Adi, ada dua natijah penting daripada pembukaan laluan MRT Putrajaya-Kuala Lumpur. Pertama, mengurangkan kesesakan lalu lintas dari Putrajaya ke Kuala Lumpur dan sebaliknya. Kedua, limpahan ekonomi setempat di kawasan laluan.

Apabila semakin ramai menggunakan perkhidmatan MRT, kenderaan perseorangan di jalan raya berkurang. Kita sedar kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur memang serius. Ini terutama pada waktu puncak sehingga pergerakan kenderaan begitu perlahan bagi kura-kura.

Pertambahan kenderaan dari luar akan memburukkan situasi ini. Ini termasuk mereka yang



MRT Laluan Putrajaya Fasa 2 sepanjang 57.7 kilometer itu melibatkan 36 stesen dari Putrajaya ke Kwasa Damansara.

tinggal di luar Kuala Lumpur seperti Seremban. Saban hari mereka juga berpusu-pusu memasuki Kuala Lumpur, menambah parah kesesakan.

Mereka juga bersesak memasuki Putrajaya. Wujud laporan sering berlaku kesesakan teruk di Lebuh Raya Maju dan Lebuh Raya Sungai Besi kerana kenderaan menuju Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ini mengakibatkan kelewatan sampai ke tempat kerja atau destinasi tertentu.

Kemasukan kenderaan dari Kuala Lumpur khususnya ke Putrajaya juga memberi kesan sama walaupun keadaan kesesakan di Putrajaya belum seburuk ibu negara. Namun lama kelamaan ia juga boleh menjadi seperti ibu kota.

Pasti merimaskan saban hari melihat bukan sahaja Kuala Lumpur dan Putrajaya sesak dengan kenderaan, tetapi sepanjang jalan yang menghubungkan kedua lokasi tersebut dipenuhi kenderaan. Terpaksalah tahan sabar terperangkap dalam keadaan yang sangat menyeka minda.

Kerana itu Adi melihat MRT Putrajaya-Kuala Lumpur sebagai sinar yang boleh mengurangkan masalah kesesakan di kedua-dua tempat berkenaan. Tetapi untuk mencapai matlamat tersebut, orang ramai perlu menggunakan perkhidmatan MRT.

Tinggalkan sahaja kenderaan di rumah. Jangan susahkan minda memandu dalam keadaan jalan sesak dan kemudian terpaksa memikirkan pula tempat untuk parkir. Kerajaan sudah memberi kemudahan, gunakanlah untuk kesenangan diri sendiri.

Untuk menggalakkan orang ramai menggunakan MRT, perlu dipastikan perkhidmatannya benar-benar efisien. Adi difahamkan ada beberapa masalah berlaku seperti pergerakan tren yang perlahan, selain masalah teknikal sehingga penumpang terpaksa turun dari tren.

Ini tidak harus terjadi ke atas satu perkhidmatan baharu yang berjalan lancar ketika ujian perjalanan dilakukan sebelumnya. Perlu pastikan masalah tidak berulang jika tidak mahu pengguna hilang minat.

Daripada sudut ekonomi pula, pembukaan laluan penuh MRT Putrajaya-Kuala Lumpur mampu memberi limpahan ekonomi di kawasan persekitaran sepanjang jajaran. Ini khususnya daripada sudut perumahan dan aktiviti perniagaan.

Kehadiran MRT menyebabkan permintaan untuk kediaman semakin meningkat, sama ada untuk membeli rumah atau menyewa. Ini kerana orang ramai lebih suka tinggal di kawasan yang mempunyai akses mudah kepada MRT untuk memudahkan urusan pergi balik kerja atau urusan lain.

Mereka tidak lagi perlu risau tersangkut dalam kesesakan lalu lintas memandangkan MRT mempunyai laluan sendiri. Kerana itu MRT lebih dipercayai daripada segi ketepatan waktu perjalanan dan sampai ke destinasi.

Cuma mungkin kerana permintaan tinggi, harga kediaman atau sewa di kawasan MRT ini lebih tinggi berbanding kawasan-kawasan lain. Biasalah, faktor penawaran dan permintaan. Namun bagi yang mampu ini bukan penghalang membeli kediaman di kawasan berkenaan. Malah semakin ramai pemaju membina projek perumahan di kawasan berkenaan.

Pada masa sama, sewa rumah atau bilik juga naik. Memetik laporan media, Adi dapat sewa rumah meningkat antara RM100 hingga RM200 berbanding sebelumnya. Ada tempat di mana sewa rumah sebelum itu antara RM700 hingga RM1,200 sebulan bergantung kepada jenis rumah.

Namun kini sewa di lokasi yang sama telah naik sehingga antara RM800 hingga RM1,300. Walaupun begitu, ramai yang berebut mahukannya. Mereka yang telah sedia menyewa pun sedia menerima kenaikan memandangkan kawasan telah menjadi 'hot spot'.

Namun daripada satu sudut positif, kehadiran MRT menjadikan lokasi di sepanjang jajaran menjadi sumber rezeki kepada para peniaga kerana ia mampu menghidupkan aktiviti perniagaan setempat.

Biasa kita lihat di kawasan stesen MRT ada kios atau gerai peniaga yang mengambil kesempatan menarik orang ramai yang berpusu-pusu menaiki tren untuk singgah membeli sedikit

sebanyak makakan dan minuman.

Pada masa sama ia juga memberi kemudahan kepada pengguna membeli makanan ringan bagi mereka yang tidak sempat minum pagi di rumah. Atau boleh juga dibuat bekal untuk dimakan di pejabat ketika waktu rehat. Adi percaya ini mewujudkan situasi saling bantu membantu antara peniaga dan orang ramai.

Untuk rekod, MRT Laluan Putrajaya Fasa 2 sepanjang 57.7 kilometer itu melibatkan 36 stesen dari Putrajaya ke Kwasa Damansara. Sebanyak 27 daripadanya adalah stesen bertingkat sementara sembilan stesen lagi bawah tanah.

Juga menarik, laluan ini digandingkan dengan 10 pertukaran dan sambungan stesen untuk membolehkan pengguna menukar kepada perkhidmatan monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM). Sambungan di sepanjang jajaran 17 stesen akan mempunyai kemudahan letak kereta dengan jumlah 5,870 ruang parkir.

MRT Laluan Putrajaya Fasa 2 menelan belanja RM30.53 bilion. Perkhidmatan dari stesen Kwasa Damansara ke stesen Putrajaya Sentral dikendalikan oleh anak syarikat Prasarana, Rapid Rail Sdn Bhd. Perkhidmatan ini menggunakan 49 tren empat gerabak yang mampu membawa 1,200 penumpang. Kekerapan tren purata dalam masa lima minit.

Stesen Kwasa Damansara kini merupakan stesen terminal untuk kedua-dua laluan Kajang dan Putrajaya. Ia merupakan sebahagian daripada reka bentuk yang dirancang bagi mengurangkan kebergantungan serta kesesakan trafik di stesen MRT Sungai Buloh yang berintegrasi dengan stesen KTM Sungai Buloh.

Adi—Suka naik tren.

Adi Tahir

SKETSA SEMASA

Wilayah Ku



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Sajak

RAMADAN YANG MASIH TERSISA

Puisiku tergantung di bulan sabit
Menukang kata-kata bait
Mengisi ruang rasa sulit
Dari tidurku lalu bangkit
Sujud walaupun seminit
Ramadan menerangi isi dan kulit
Ganjaran pahala bukan sedikit
Kejarnlah sampai ke bukit
Bertahan hidup sejuta perit
Kepada-Nya diri ini tercubit
Sentiasa dekat sebelum sakit.

GABRIEL KIMJUAN
Labuan.

YWP fokus naik taraf hidup warga kota

HAZIRAH HALIM

3 7 TAHUN ditubuhkan sejak 9 April 1986, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa bergerak aktif melaksanakan matlamatnya dalam membantu menaik taraf hidup golongan berpendapatan rendah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Buktinya, hari ini YWP mampu menyantuni warga kota bukan sahaja melalui perkhidmatan dan gerak kerja yang tertumpu kepada lima aspek utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) malah sokongan kerjasama daripada ketuanya bersama kakitangan.

Terbaru bagi memperkuahkan lagi inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merangkap Pengurus YWP telah melantik **Abdul Rahman Siraj** sebagai Pengarah Eksekutif YWP berkuat kuasa bermula 1 Mac bagi



ABDUL Rahman (empat kanan) dan Azman (empat kiri) bersama penerima Anugerah Jabatan/Anak Syarikat Terbaik 2022, di Hotel Tamu pada Selasa.

tempoh tiga tahun.

Pelantikannya itu dilihat mampu membantu meningkatkan keupayaan YWP untuk memberi khidmat yang terbaik kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya golongan rentan dan B40.

Abdul Rahman Siraj berkata pelantikannya adalah satu tanggungjawab besar yang harus

dipikul dan berharap dapat bekerjasama dengan kakitangan untuk memberi perkhidmatan terbaik buat syarikat dan warga Wilayah Persekutuan.

“Saya percaya dengan sokongan dan kerjasama daripada seluruh kakitangan, YWP akan terus maju jaya di masa hadapan serta mampu memberikan yang terbaik seiring

visi dan misi YWP serta warga kota,” katanya kepada *Wilayahku* semasa menghadiri Majlis Iftar dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang YWP di Hotel Tamu & Suites, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada Selasa.

Sementara itu, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Azman Abidin berharap pelantikan itu dapat memacu kedudukan YWP dalam pembangunan Wilayah Persekutuan termasuk penambahbaikan terhadap program-program YWP.

“Saya berharap dengan adanya Pengarah Eksekutif baharu, pelbagai penambahbaikan dapat dilaksanakan bukan sahaja pada program-program tetapi meningkatkan sumber pendapatan YWP.

“Kita sedar bahawa fungsi YWP adalah menjurus kepada aspek pembangunan pendidikan, kebajikan, sosial dan kesejahteraan komuniti di Wilayah Persekutuan, jadi kita akan berganding bahu bersama Pengarah Eksekutif baharu ini untuk pastikan

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

fungsi ini dikekalkan agar ia terus memberi manfaat kepada seluruh warga kota.

“Saya juga turut mendoakan agar YWP akan terus melakar kejayaan dan menunjukkan budaya kerja yang berprestasi tinggi, berintegriti dan bersemangat dalam melaksanakan tugas-tugas harian,” katanya. **WK**

Rumah Kampung tradisional hiasi Centre Court Suria KLCC sempena Aidilfitri

DIANA AMIR

BERSEMPENA Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi, Kumpulan Suria KLCC melancarkan Kempen Hari Raya Suria KLCC bermula 24 Mac sehingga 1 Mei 2023.

Pengarah Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien** berkata kempen pada kali ini bakal membawa pengunjung mengimbau suasana perayaan berinspirasikan suasana perkampungan nelayan di Pantai Timur.

“Reka bentuk ‘Rumah Kampung’ tradisional bakal menjadi titik tumpuan di laman Centre Court yang mana merupakan pusat perayaan

di Suria KLCC. Keunikan pelbagai dekorasi bakal mengundang memori indah di suasana kampung di mana hadir dengan tata landskap jendela yang gah serta atmosfera kampung ditemani dengan kewujudan replika pokok kelapa,” katanya menerusi satu kenyataan media baru-baru ini.

Andrew berkata pihaknya turut menyediakan aktiviti interaktif wayang kulit di mana pengunjung berpeluang menyengkap pengalaman bercerita melalui seni penceritaan tradisional masyarakat Melayu.

“Sebagai destinasi utama untuk membeli-belah di Kuala Lumpur, kempen ini merupakan pendekatan kami untuk membawa tradisi dan

norma masyarakat Melayu untuk dipertontonkan buat pengunjung Suria KLCC yang majmuk dan berbilang bangsa bukan sahaja terdiri dalam Malaysia malahan dari serantau dunia.

“Melalui langkah yang menitikberatkan semangat perayaan buat para pengunjung ini, kami berharap agar musim sambutan Hari Raya kali ini dapat mencerminkan tanda kerukunan terhadap warisan budaya Malaysia yang pelbagai,” ujarnya.

Tambah beliau, replika pelita terbesar di Malaysia dengan ukuran setinggi 50 kaki juga bakal membuat penampilan sekali lagi di laman Esplanade KLCC. **WK**



DEKORASI ‘Rumah Kampung’ menghadirkan rasa syukur dengan keindahan yang dapat dirasai melalui kehidupan di kampung nelayan.

Kerjasama berpasukan rahaia kejayaan Khairina

“ALHAMDULILLAH, anugerah ini menjadikan saya lebih bersemangat untuk berkhidmat dan secara tidak langsung menaikkan motivasi kami semua untuk terus berikan yang terbaik kepada masyarakat terutamanya warga Wilayah Persekutuan,” jelas Eksekutif Kanan Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Korporat, **Khairina Abdul Kadir** yang merupakan antara penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Bagi Khairina, selama 18 tahun berkhidmat di YWP, APC membuat dirinya lebih menghargai rakan sekerja.

“Bagi saya, dalam pekerjaan apapun kerjasama berpasukan amatlah penting. Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

“Sikap muafakat dan kerjasama dalam kalangan pekerja adalah

kekuatan syarikat. Mana mungkin kita boleh berjaya tanpa sokongan kakitangan lain.

“Kerjasama ini jugalah yang menjadi rahsia kejayaan YWP sehingga menjadi contoh kepada banyak syarikat lain.

“Dengan adanya semangat kerjasama inilah membuatkan saya layak untuk menerima anugerah. Cuma kali ini rezeki saya. *Insya-Allah* akan datang rezeki orang lain pula,” jelasnya.

Dalam pada itu, Khairina menjelaskan skop kerjanya juga agak mencabar namun semua itu boleh dilakukan dengan adanya kerjasama.

“Saya bertanggungjawab dalam memastikan YWP dan tujuh anak syarikat bawahnya mematuhi keperluan statutori oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

“Selain itu, saya juga perlu membuat persediaan untuk sebarang mesyuarat yang melibatkan Ahli



KHAIRINA (tiga kiri) bersama tim Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Korporat YWP.

Lembaga Pemegang Amanah dan Ahli Lembaga Pengarah.

“Bukan itu sahaja, saya juga turut

diamanahkan mengurus tadbir aset-aset YWP dalam bangunan,” ujarnya lagi. **WK**



Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T.)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (*Wilayahku*)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

ronakota

7-13 APRIL 2023. Bil 207

Wilayah Ku



AUK TIBANG Bazar Ramadan Rahmah tarawjuadah murah, berkhasiat

BAZAR Ramadan Rahmah (BRR) merupakan inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) yang bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pilihan juadah berbuka dengan kadar harga murah dan makanan seimbang.

Terbaru, BRR diwujudkan di tiga lokasi sekitar Kuala Lumpur dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR), Tempat Letak Kereta Lorong TAR Lot 4 dan Jalan Raja berhadapan gereja.

Rata-rata peniaga dan pengunjung menyambut baik inisiatif ini kerana ia bukan sekadar mampu membantu orang ramai khususnya golongan berpendapatan rendah (B40) untuk menikmati juadah berbuka puasa dengan harga RM5 bahkan mengurangkan kos perbelanjaan sepanjang Ramadan.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





BRR bantu golongan B40 nikmati juadah enak



FOTO: SUQQREE DAIN
HAZIRAH HALIM

DARI MUKA 9

BAZAR Ramadan adalah antara lokasi yang sentiasa menjadi tumpuan masyarakat tidak kira bangsa dan agama. Kepelbagaiannya juadah yang disajikan tidak ketinggalan beraneka jenis air sememangnya menarik perhatian pengunjung.

Pun begitu, tidak semua mampu menikmati juadah berbuka di bazar terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40) dan miskin bandar yang diibaratkan seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Justeru itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mewujudkan Bazar Ramadan Rahmah (BRR) di 38 lokasi seluruh negara termasuk tiga

BRR di Kuala Lumpur dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melibatkan Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR), Tempat Letak Kereta Lorong TAR Lot 4 dan Jalan Raja berhadapan gereja.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, **Ariffin Samsudin** berkata BRR Jalan TAR menyajikan pilihan juadah berbuka puasa pada harga murah dan berpatutan iaitu RM5.

"Julung kali diadakan, tahun ini kita memperkenalkan inisiatif baharu yang berkonsepkan jualan *food truck* dengan harga rahmah yang bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pilihan makanan dan minuman dengan kadar harga murah.



ARIFFIN

"Dalam masa sama, ia juga menggalakkan peniaga menyediakan kepelbagaiannya konsep penyediaan makanan seimbang yang mengandungi protein, mineral, sayur-sayuran dengan berteraskan Menu Rahmah kepada pengunjung.

"Antara Menu Rahmah yang ditawarkan adalah nasi ayam goreng kunyit, mi goreng, roti john, burger dan takoyaki. Selain makanan berat, terdapat juga hidangan ringan seperti keropok lekor, steamboat dan banyak lagi.

"Ia amatlah berbaloi dan boleh dimiliki oleh semua orang termasuklah pelajar universiti dan golongan bujang. Dengan harga tersebut, mereka boleh menikmati satu set hidangan lengkap untuk juadah berbuka puasa," kata beliau kepada *Wilayahku*.

Ditanya mengenai penetapan juadah Menu Rahmah oleh peniaga, Ariffin berkata ia bergantung kepada jenis juadah berbuka yang ingin dijual oleh peniaga namun faktor kos penyediaan dan pembelian barang mentah tetap menjadi keutamaan mereka.

"Setiap peniaga mahukan keuntungan, jadi kita tidak meletakkan sebarang paksaan kepada peniaga dari segi menu jualan sebaliknya peniaga boleh menetapkan sendiri jenis juadah dan kuantiti jualan dengan harga tersebut," jelas beliau.

E-WALLET RM20

BAGI merancakkan lagi kehadiran pengunjung ke BRR Jalan TAR, KPDN bakal memperluaskan Bazar Ramadan Rahmah ini dengan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (*Retail Digitalisation Initiative ReDI*) melalui

pemberian insentif e-tunai RM20 kepada pengunjung dan RM30 peniaga dalam bentuk *e-wallet* sepanjang Ramadan.

Arifuddin berkata inisiatif ini melibatkan kerjasama dengan penyedia *e-wallet* sebagai pendekatan menggalakkan pengguna dan peniaga melakukan transaksi digital di BRR seluruh negara termasuklah di Jalan TAR.

"Setiap orang yang datang berkunjung di BRR Jalan TAR perlu menebus e-tunai dengan hanya mengimbas kod QR *e-wallet* di mana-mana gerai *food truck* untuk membeli juadah berbuka.

"Insentif ini hanya dilaksanakan pada waktu-waktu tertentu dan fasa pertama penggunaan insentif ini turut mendapat sambutan yang mana dalam masa sehari sahaja, sebanyak 20,000 dana *e-wallet* diberikan kepada pengguna," kata beliau.





Menu Rahmah untungkan semua



DIANA AMIR

KONSEP Menu Rahmah yang diperkenalkan kerajaan Madani dilihat sedikit sebanyak mengurangkan beban masyarakat dan kini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) turut melancarkan Bazar Ramadan Rahmah (BRR) di beberapa kawasan terpilih sekitar negara.

Menurut salah seorang peniaga di BRR Lorong Jalan Tuanku Abdul Rahman, Azlan Shah Ahmad Zainal, 46, dia baru sahaja pertama kali membuka perniagaan di kawasan tersebut.

"Menu Rahmah yang ditawarkan di food truck saya adalah air milo sejuk tanpa ais yang dijual dengan harga RM5," kongsinya sewaktu ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Berkongsi mengenai keuntungan diperoleh Azlan berkata perniagaannya yang bermula pada pukul 5 petang

sehingga 8 malam itu mendapat sambutan menggalakkan.

"Ramai yang kata jual Menu Rahmah ini peniaga tidak untung banyak namun bagi saya apa yang penting kita dapat berkongsi rezeki terutama dengan mereka yang berpendapatan rendah (B40).

"Meskipun keuntungannya sedikit namun kita menerima jumlah pembeli yang agak tinggi dan kebanyakannya kembali semula untuk membeli produk kita," ujarnya.

Turut mengakui hal yang sama, peniaga air tembakai, Ahmad Adris, 59, berkata keuntungan yang diperolehnya adalah seperti biasa meskipun menawarkan Menu Rahmah.

"Dalam sehari jualan air tembakai saya boleh mencapai sehingga 400 bungkus dan ia menunjukkan ekonomi sekarang makin membaik di mana kuasa pembeli juga semakin tinggi," ujarnya bagaimanapun konsep menu perlu diteliti semula kerana tidak semua jenis makanan sesuai dijual dengan

harga RM5.

Dalam pada itu, Roy Muhammad, 25, berkata konsep BRR ini perlu diperluaskan serta diteruskan pada tahun berikutnya bagi memberi pilihan buat masyarakat untuk membeli juadah berbuka.

"Di kedai saya, Menu Rahmah yang paling banyak menerima permintaan adalah mi goreng kerang dan telur mata yang dijual dengan harga RM5," ujarnya yang mendapat permintaan sehingga 60 bungkus setiap hari. **WK**



SEBAGAI seorang pelajar, sudah pasti saya berjimat ketika berbelanja. Kalau sebelum ini, saya peruntukan sekurang-kurangnya RM15 di bazar kini di BRR hanya RM5 sahaja."

**Mas Nuradlina Natasya
Ismail Mohd Zaid**
Pengunjung



MAS NURADLINA



NIK AHMAD

MENU Rahmah yang disediakan ini sedikit sebanyak membuka peluang kepada orang ramai khususnya kategori B40 dan golongan memerlukan untuk menikmati inisiatif ini. Menu-menu yang ditawarkan juga sangat menarik dan berbaloi dengan harga."

Nik Ahmad Akmal Abu Bakar
Pengunjung



NORLAILY

SEJAJAR dengan hasrat kerajaan mahu membantu golongan B40, ia wajar diteruskan dan hebahan mengenai kewujudan dan pelaksanaan Menu Rahmah perlu diuar-uarkan."

Norlaily Hassan
Pengunjung



SESI Townhall Pemahaman Pewartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah bersama 83 wakil persatuan penduduk dan beberapa NGO bertempat di Institut Latihan DBKL baru-baru ini. Foto: Unit Foto DBKL



Balu Abam, Hidayah dakwa kena sihir



DEEL ANJER

BUKAN mudah jadi ibu tunggal. Begitulah kehidupan balu Allahyarham Abam Bocey, **Siti Nor Hidayah Mohd Ali** yang melalui bermacam-macam dugaan.

Terbaru, Hidayah mendakwa dia dan anaknya Syed Uthman berdepan gangguan sihir, sejak suaminya meninggal dunia.

Menerusi hantaran video dalam sosial *Instagram*nya, Hidayah meminta pertolongan orang ramai yang mengenali pakar perubatan Islam untuk



HIDAYAH

membantunya.

Menurutnya, dia telah mengalami gangguan sihir sejak suaminya meninggal dunia sehingga sekarang.

"Dayah nak minta pertolongan sangat-sangat kepada sesiapa sahaja pakar perubatan Islam, ustaz, ustazah atau sesiapa sahaja yang mempunyai kepandaian merawat misteri atau sihir yang boleh mengubati merawat masalah Dayah dengan Hamzah disihir."

"Gangguan mistik ni sejak arwah suami Dayah meninggal sampailah sekarang."

"Mohon kepada sesiapa yang dapat membantu Dayah dan Hamzah bolehlah menghubungi abang Dayah, nombornya tertera," katanya.

Rata-rata netizen turut berkongsi info yang diminta Hidayah selain mendoakannya. Untuk rekod, Abam dan Hidayah mendirikan rumah tangga pada 2017 dan mereka dikurniakan seorang cahaya mata Syed Uthman Hamzah Al Juffrey yang kini berusia dua tahun.

Abam atau nama sebenarnya Syed Umar Mukhtar Syed Mohd Redzuan meninggal dunia pada 10 Februari 2020 akibat demam panas pada usia 32 tahun.

Selepas kematian Abam, timbul perbalahan antara Hidayah dan adik kepada arwah Abam iaitu pelawak Ali Puteh berkaitan tuntutan faraid.

Sam Bunkface nafi abai nafkah anak

VOKALIS Bunkface, **Sam** mendakwa apa yang didakwa bekas isteri, Aida sehingga menyebabkan dirinya tidak menunaikan tanggungjawab sebagai ayah adalah fitnah semata-mata.

Sam atau nama sebenarnya Shamsul Anuar Mohd Bahorom berkata dia tidak pernah mengabaikan peranannya sebagai ayah kepada Maleeq.

"Saya diberitahu ada tuduhan yang tidak benar telah dilemparkan oleh bekas isteri mengenai isu nafkah kepada anak saya bersamanya iaitu Maleeq."

"Saya tak pernah langsung abaikan tanggungjawab sebab itu dia tak berani nak jawab (soalan media)."

"Saya tak pernah tidak bayar nafkah anak walaupun sebulan, malah saya siap bayar lebih."

"Pindaan bayaran nafkah yang diminta saya mohon dua tahun lalu ketika bisnes terjejas akibat pandemik, bukannya baru sekarang."

"Logik ke dia minta bayaran RM1,300 sebulan sedangkan hak penjagaan anak diberikan sama rata iaitu bergilir-gilir selama dua minggu?" jelasnya yang telah menyerahkan bukti-buktinya kepada mahkamah di mana ia adalah bukti dirinya tidak boleh memenuhi tuntutan nafkah yang terlalu tinggi.

Pada masa sama, Sam juga akui terdapat waktu yang menyukarkan dirinya untuk bertemu dengan anak tunggal mereka.

"Kali terakhir saya jumpa Maleeq pada Disember 2022. Baru tiga bulan, bukannya lima atau enam bulan seperti yang dia dakwa."

"Nak jumpa anak sendiri pun seolah-olah dihalang sebab dia hantar Maleeq ke rumah ibu bapanya di Masjid Tanah, Melaka."

"Beria-ia minta nafkah tinggi padahal ibu dia yang jaga Maleeq. Selama ini saya berurus dengan nenek Maleeq dan berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Melaka," jelasnya.

Sam mendirikan rumah tangga dengan Aida pada 25 April 2015 sebelum bercerai empat tahun kemudian dan dikurniakan Maleeq.

Kemudiannya dia bernikah buat kali kedua dengan isteri terkini, Puteri Eifa Ezrin Mohd Kushairi dan dikurniakan dua cahaya mata.



SAM BUNKFACE

Khai Bahar teruja rakam lagu Tagalog

FENOMENA lagu Tagalog berjudul Pano ciptaan dan nyanyian sepenuhnya Zack Tabudlo dari Filipina sememangnya terasa hingga ke Malaysia. Melodi serta cara penyampaian Zack dalam lagu itu berjaya meresap jauh ke dalam lubuk hati pendengar tanpa perlu memahami bahasanya.

Justeru, versi bahasa Melayu lagu itu kini diterbitkan pula dan **Khai Bahar** dipilih menggalas tanggungjawab berkenaan.

Diberi judul Bagaimana, versi Melayu terbabit mendapat sentuhan penerbit muzik tersohor, Johan John yang mana proses rakamannya dibuat di JK Music Vibe Studio dan liriknya diolah semula oleh Shah Shamshiri.

Umpama bulan jatuh ke riba, Khai, 29, mengakui sangat berbesar hati diberi kepercayaan menyanyi lagu yang cukup ikonik itu.

"Keindahan lagu Pano terletak pada irama baladanya yang cukup mendayu. Tidak hairanlah lagu berkenaan amat popular sehingga mendapat tontonan lebih 104 juta di YouTube

meskipun ia berbahasa Tagalog. Cukup mengagumkan."

"Disebabkan itulah juga saya sangat gembira apabila ditawarkan Universal Music Malaysia untuk bekerjasama dalam projek lagu Bagaimana. Ini satu peluang keemasan untuk saya galas sebaiknya demi pastikan versi Melayunya juga sehebat lagu asal," katanya.

Melodi yang dekat di hati memberi kelebihan kepada Khai merakamkan lagu tersebut dalam masa yang singkat.

"Alhamdulillah, rakaman vokal berjalan dengan sangat lancar. Semuanya dilakukan di studio rakaman Johan yang terletak di Taman Melawati, Kuala Lumpur. Ia juga cuma mengambil masa kurang dari sejam. Syukur sangat mudah," katanya.

Bercerita mengenai pembikinan muzik video (MV) lirik Bagaimana, Khai gembira konsep ditampilkan sangat ringkas tanpa perlu dramatik. Lokasi yang dipilih pun sangat menyenangkan dan menurutnya ia satu pengalaman baharu juga untuknya.

"Penggambarannya dilakukan di

sebuah kedai buku BookXcess Sunsuria Forum, Shah Alam. Ia sebuah konsep yang ringkas dan menarik di mana saya belum pernah tampilkan sebelum ini. Prosesnya juga berjalan dengan sangat lancar dan dapat disiapkan dalam masa kurang dari empat jam," katanya.

Enggan dibayangi penyanyi serta lagu asal, Khai berharap versi nyanyiannya akan dinikmati sebagaimana pendengar sukaan Pano. Dia sendiri sangat seronok apabila Bagaimana dapat dihasilkan untuk pendengar tempatan.

"Semoga Bagaimana akan mendapat penerimaan yang baik seperti Pano juga serta didengar berulang kali di setiap platform penstriman muzik digital. Terus sokong dan minta lagu Bagaimana diputarkan di corong-corong radio," katanya.

Bagaimana kini boleh didengarkan di semua pelantar penstriman digital seperti Spotify, Apple Music, Joox, KKBOX, Deezer dan YouTube Music manakala muzik videonya pula boleh ditonton di saluran YouTube Universal Music Malaysia. **W.K**



Khai Bahar



Foto: MOHAMMAD KHAIRUL YAKOP

BAGI mendapatkan maklum balas daripada peniaga berhubung sambutan pengguna terhadap aktiviti jualan di bazar Ramadan pada tahun ini, satu kaji selidik dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 31 Mac lalu.

Ia melibatkan seramai 1,148 responden di seluruh negara yang mewakili golongan peniaga di bazar Ramadan. Ia melibatkan bazar Ramadan di kawasan bandar, luar bandar dan bazar Ramadan peringkat negeri.

Kaji selidik ini juga bertujuan untuk menilai sambutan pengguna terhadap bazar Ramadan dan melihat aspek keuntungan yang diperolehi peniaga selain kaji selidik ini juga telah mengumpulkan maklumat berhubung hasil jualan yang diperolehi berbanding sasaran jualan oleh peniaga itu sendiri.

Hasil kaji selidik ke atas 1,148 responden itu mendapat, 69% peniaga menyatakan peningkatan pelanggan/pengunjung di premis mereka manakala 31% peniaga memberi maklum balas penurunan.

Bagi aspek hasil jualan pula, sebanyak 63% peniaga menyatakan peningkatan ke atas hasil jualan manakala selebihnya 37% memberikan maklum balas penurunan hasil jualan mereka.

Selain itu, dari segi aspek keuntungan pula, semua responden memberikan maklum balas memperoleh keuntungan di mana sebanyak 70% peniaga menyatakan mendapat peningkatan keuntungan manakala selebihnya 30% peniaga menyatakan pengurangan dari segi keuntungan.

Nilai jualan dan keuntungan yang diperoleh oleh peniaga banyak dipengaruhi oleh faktor seperti berikut antaranya jenis makanan/minuman yang popular, harga yang berpatutan pada pandangan pengunjung bazar, cuaca, lokasi bazar, kemudahan tempat parkir kenderaan, turun naik harga bahan mentah seperti buah-buahan untuk penyediaan minuman seperti jus dan sebagainya, kedudukan gerai dalam tapak bazar serta kos sewaan tapak.

Hasil kaji selidik ini juga mendapat, para peniaga mengharapkan pengunjung semakin bertambah dan berbelanja di bazar Ramadan serta kos bahan mentah

dapat diturunkan bagi membantu peniaga mengimbangi harga jualan mereka.

Selain itu, peniaga juga berharap agar promosi yang lebih baik dapat dilakukan agar pengunjung bazar Ramadan semakin meningkat selain pengurangan kadar sewa tapak, meningkatkan aktiviti penguatkuasaan, kebersihan tapak perniagaan bazar dan bantuan dari segi modal/kewangan.

KPDN ingin menasihatkan para peniaga agar terus mematuhi peraturan dan perundangan yang dikuatkuasaan Kementerian bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas selain menjadi peniaga yang beretika seperti meletakkan tanda harga pada setiap barang dijual dengan tepat dan jelas.

Pengguna juga dinasihatkan agar bijak ketika berbelanja dan menggunakan sepenuhnya hak-hak sebagai pengguna bagi mengelakkan dimanipulasi oleh segerinti pihak tidak bertanggungjawab yang ingin mengambil kesempatan selain berhemah di dalam berbelanja agar tidak berlaku pembaziran.

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku oleh peniaga boleh laporkan kepada pihak kementerian berserta maklumat yang lengkap dan tepat melalui saluran berikut:

WhatsApp **019-279 4317/019-848 8000**; Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://e.aduan.kpdn.gov.my>, Call Centre **1-800-886-800**; E-mel (e-aduan@kpdn.gov.my); Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN dan Bilik Gerakan Pengukuasaan **03-8882 6088/6245**.

Sebagai rekod, matlamat KPDN adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya mampu khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Dalam masa yang sama, ia juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju.

Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurus niaga dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial. **WK**

15 pasar raya tawar Menu Rahmah

TIMBALAN Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh menyempurnakan Majlis Pelancaran Jualan Rahmah dan Majlis Iftar bersempena Hari Pengguna Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KPDN WPKL) bersama Persatuan Penduduk PPR Batu Muda di Kuala Lumpur.

Jualan Rahmah kali ini melibatkan 15 pasar raya di 11 parlimen WP Kuala Lumpur dan terdapat juga pasar raya yang turut menawarkan set makanan dan minuman Menu Rahmah yang bernilai RM5 ke bawah.

Inisiatif Menu Rahmah di PPR Batu Muda pada 31 Mac lalu melibatkan penyertaan dari Pengusaha TOMYAM (PERTOM), Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), restoran-restoran makanan segera dan juga pasar raya seperti 99

Speedmart, KK Mart dan AEON BiG. Penduduk PPR Batu Muda turut diberikan kupon Menu Rahmah sebanyak RM25 atau lebih untuk seunit kediari agar mereka dapat menziarahi gerai-gerai Menu Rahmah dan seterusnya dapat membeli menu yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha makanan.

Tujuan kupon diberikan adalah untuk mempromosikan Inisiatif Menu Rahmah kepada penduduk yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40.

Pelaksanaan Inisiatif Jualan Rahmah ini akan diadakan setiap dua minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad mulai 25 Mac 2023 di Kuala Lumpur. Lebih 30 item barang keperluan harian dan asas seperti ayam, beras, telur, bawang, sayur-sayuran dan sebagainya boleh diperolehi pada harga diskon 10% hingga 30% berbanding harga pasaran semasa.

Selain itu, sebanyak 1,150 Bakul Rahmah juga turut disumbangkan oleh IGB Reit (Midvalley & Gardens) (1,000 unit), 99 Speedmart (70 unit), KK Mart (50 unit) dan AEON BiG (30 unit) kepada penduduk PPR Batu Muda.

Dalam masa yang sama, turut berlangsung Majlis Iftar Timbalan Menteri bersama penduduk PPR Batu Muda yang mana dia dapat memberi peluang kepada wakil-wakil penduduk PPR beramah mesra bersama Timbalan Menteri seterusnya dapat membantu memahami kehendak dan hasrat penduduk PPR Batu Muda yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40.

Sumbangan bayaran tanpa tunai melalui e-dompet turut disampaikan kepada 200 orang pelajar tingkat enam atas dan bawah (kategori B40) di PPR Batu Muda. Sumbangan ini dikenal pasti dan diberikan melalui Program Rintis Bantuan Sumbangan Tanpa Tunai kepada pelajar tingkat enam dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.



SENATOR Fuziah Salleh (tiga, kanan) beramah mesra bersama penduduk sempena Majlis Pelancaran Jualan Rahmah dan Majlis Iftar Bersempena Hari Pengguna Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di PPR Batu Muda, Kuala Lumpur.

100 menu Sajian Warisan Nusantara The Pearl



DEEL ANJER

SEMPENA Ramadan ini, bertemakan Sajian Warisan Nusantara, Hotel The Pearl Kuala Lumpur menawarkan lebih 100 jadual yang sememangnya memuaskan hati.

Pemangku Pengurus Besar, **Gina Kuek** berkata sebagai kelainan berbanding hotel lain, The Pearl membawa kumpulan ghazal, Alun Tradisi sebagai hiburan dan pelengkap kepada hidangan yang berkONSEPkan kemelayuan.

"Kami mahu meraikan bulan Ramadan dengan membawa adunan klasik dan sajian tempatan yang istimewa di dalam suasana selesa dan moden buat tetamu yang hadir bersama keluarga dan rakan mereka.

"Persembahan ghazal tradisional daripada kumpulan ghazal jemputan iaitu Alun Tradisi pastinya memberi pengalaman yang tidak harus tetamu lepaskan untuk berkelana dengan alunan muzik puitis," katanya dalam satu kenyataan.

Gina menambah, buffet Ramadan tahun ini menjanjikan sajian pelbagai

aneka hidangan tempatan yang pastinya memukau selera pengunjung.

"Sudah pastinya kemuncak buffet kami ialah kambing panggang yang lembut dan diperap dengan baik.

"Selain menu, hidangan buffet turut menampilkan jadual asli seperti Nasi Beriani Kambing, Nasi Beriani Ayam, Kambing Golek, Ayam Golek, Gerai *Shell Out*, Gerai BBQ, Gulai Kawah Daging, Gulai Daging Bunga Kantan, Lemang Buluh, satay dan martabak.

"Tidak lupa pencuci mulut yang menarik seperti aneka pemanis mulut, sago gula melaka, aneka kuih-muih dan banyak lagi," katanya.

The Pearl Kuala Lumpur menyediakan buffet Ramadan pada harga RM128 bagi dewasa, warga emas dan Orang Kurang Upaya RM98 manakala RM78 harga kanak-kanak.

Lebih menarik, cabutan bertuah turut diadakan kepada pengunjung di mana hadiah utama adalah wang tunai sebanyak RM5,000, RM2,500 untuk pemenang kedua dan RM1,000 untuk pemenang ketiga. **W K**



MASAC selar dan tidak menyokong tindakan mogok

PROFESION kedoktoran merupakan antara kerja yang murni dan asasnya ialah untuk membantu orang ramai dan bukan bersifat keuntungan kepada diri sendiri atau keluarga seperti dalam mana-mana profesi lain yang ada mengutamakan daptan material sebagai tujuan utama masuk ke bidang tersebut atau tujuan harian mencari rezeki dalam bidang tersebut.

Jika konsep ini dipupuk, disemai dari awal seseorang menyertai profesi kedoktoran, Majlis Penyalahgunaan Bahan Terlarang Malaysia (MASAC) percaya walau apa sekalipun bentuk kontrak yang diberikan oleh kerajaan maka mungkin perkara berkait mogok ini tidak berlaku.

Perlu dilihat kembali, dengan keadaan ekonomi semasa, percaturan melibatkan kewangan haruslah dilaksanakan dengan penuh tertib oleh kerajaan apabila ia melibatkan perjawatan dalam kerajaan yang berpencen terutamanya dalam Skim Pegawai Perubatan yang mempunyai pelbagai eluan sejarah dengan beban tugas serta sumbangan kepada masyarakat.

Namun, atas kepentingan perkara ini, seharusnya doktor kontrak bersabar kerana wujud banyak dan ramai lagi pekerja dalam perkhidmatan awam yang berstatus kontrak di pelbagai jabatan dan agensi sehingga ada antara mereka telah bertahun malahan berpuluhan tahun berstatus kontrak.

Komuniti bekas pengguna bahan terlarang sendiri yakni bekas penagih dadah ada ditempatkan di pelbagai agensi berstatus kontrak kerana ada rekod pernah terlibat dengan dadah dan tidak boleh masuk ke skim perkhidmatan berstatus tetap jauh sekali status berpencen.

Mereka ini menyumbang terlalu banyak kepada usaha pencegahan, pemulihan dan lain-lain isu dadah negara dengan berstatus kontrak gred yang kecil, mereka ini ada



yang mempunyai pelajaran bertaraf Diploma atau Sarjana Muda dan ada juga pernah menjawat jawatan tinggi dalam pekerjaan namun kerana telah tersalah langkah di usia muda, berpuluhan tahun telah pulih daripada dadah juga tidak memberikan mereka apa-apa kelebihan untuk bekerja secara skim tetap atau berpencen di mana-mana agensi kerajaan.

Mereka ini ada yang telah berkhidmat selama puluhan tahun demi negara, menukar pelbagai skim bermula dengan pelbagai nama hingga terkini Mystep yang merupakan skim terbaik namun gaji tahunan tidak naik, tiada kemudahan perubatan kerajaan, tiada kemudahan pinjaman kerajaan, pelbagai lagi kemudahan yang tiada, tetapi semangat bekerja mereka tidak pernah menganjurkan apa-apa mogok walau di mana agensi sekalipun mereka berada dan terus menyumbang tunas bakti dengan apa yang mereka perolehi.

MASAC menasihati doktor kontrak ini untuk bersabar, terus bekerja, berdoa untuk dapat peluang bekerja tetap dengan kerajaan atau swasta seperti yang didambakan mereka dan tidak terus menggesa kerajaan

membuat keputusan yang sukar kerana dalam usaha menyerap kepada skim tetap mereka yang berstatus kontrak ini, kerajaan juga mempunyai pilihan untuk membawa masuk doktor dari negara luar terutamanya negara dunia ketiga yang akan amat menghargai peluang mencari rezeki yang ada.

MASAC turut menyarankan agar kerajaan juga mula menawarkan kursus kedoktoran di pusat latihan perubatan untuk menampung kekurangan doktor di masa hadapan selain mengurangkan kos melahirkan seorang doktor.

Sekiranya pusat latihan perubatan yang melatih jururawat, penolong pegawai kesihatan dan lain-lain skim kesihatan, mula melatih pegawai perubatan (doktor) untuk kegunaan tempatan, pastinya bilangan doktor dapat ditambah dan memberikan perkhidmatan lebih cepat kepada rakyat berbanding keperluan kesihatan kini yang amat besar oleh rakyat dengan keberadaan doktor yang amat sedikit.

Idea doktor pusat latihan kerajaan ini juga akan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menjadi doktor dan tidak perlu biasiswa jutaan ringgit ke luar negara hanya untuk

melahirkan seorang doktor, sama ada di luar negara atau universiti dalam negara secara biasiswa mampu melahirkan 10 doktor dalam negara di pusat latihan perubatan kerajaan.

MASAC juga mencadangkan untuk sementara waktu, perihal doktor kontrak ini mungkin boleh diberikan jawatan tetap tidak berpencen di agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang boleh melantik secara tetap gred U41 seperti mana-mana Institut atau diwujudkan satu skim khas U41 untuk serap masuk 10,000 doktor kontrak ini berstatus tetap tidak berpencen.

MASAC sekali lagi menasihati doktor kontrak agar berfikir panjang sebelum membuat mogok dengan membandingkan kehidupan mereka sebagai penjawat awam dengan kehidupan bekas pengguna bahan terlarang iaitu penagih dadah yang amat berbeza skim serta gaji mereka iaitu yang terkini di Mystep dan bukan kontrak JPA atau lain-lain kontrak.

Sekiranya atas jasa dan sumbangan pada negara, doktor kontrak ini diberikan kemudahan diserap ke skim tetap, MASAC turut merayu kepada kerajaan untuk

“MASAC menasihati doktor kontrak ini untuk bersabar, terus bekerja, berdoa untuk dapat peluang bekerja tetap dengan kerajaan atau swasta seperti yang didambakan mereka dan tidak terus menggesa kerajaan membuat keputusan yang sukar kerana dalam usaha menyerap kepada skim tetap mereka yang berstatus kontrak ini.”

melihat kepada bekas pengguna bahan terlarang yang berjumlah ratusan malahan mungkin ribuan yang telah puluhan tahun menyumbang bakti pada negara daripada pelbagai aspek termasuk isu dadah yang kini berstatus Mystep atau Pekerja Sambilan Harian (PSH) di pelbagai agensi kerajaan supaya dipertimbangkan untuk diserap ke skim tetap sama ada berpencen atau tidak berpencen atas bakti kepada negara sebagai peluang kedua memulakan hidup baru bebas dadah membantu negara.

MASAC sesungguhnya menolak apa-apa usaha mogok oleh mana-mana perkhidmatan kerajaan terutamanya kedoktoran yang turut akan memberikan kesan kepada bekas penagih dadah atau penagih dadah atau keluarga mereka dari sudut mendapatkan kemudahan kesihatan kerajaan kerana rata-rata dari mereka tidak mampu mendapatkan rawatan di swasta.

PENULIS merupakan Setiausaha Agung MASAC, Raja Azizan Suhaimi.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 600px RM1,000

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Bahayanya Tuberkulosis: Batuk, nyahlah!

INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY

KITA sudah terbiasa dengannya sebagai satu penyakit yang digambarkan di dalam filem – nampak jauh dan tersisih daripada kehidupan harian. Namun begitu, tuberkulosis (TB) atau batuk kering begitu dekat dengan realiti kehidupan kita berbanding dengan apa yang kita fikirkan selama ini.

Ketua Divisyen Perubatan di Fakulti Perubatan, Universiti Perubatan Antarabangsa, Profesor Dr James Koh berkongsi mengenai TB untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit yang ramai di antara kita tidak fikirkan itu.


Kita sudah tahu sangat adegan yang ditayangkan di layar perak atau di kaca televisyen itu. Seorang individu beseorangan dengan batuk kronik, tubuh yang semakin susut perlahan-lahan dengan wajah pucat disebabkan peningkatan usia atau terlalu kuat bekerja. Sehingga satu hari batuknya semakin teruk dan berdarah. Tidak silap lagi, ada yang tidak kena.

TB atau pernah dikenali sebagai penggunaan (*the consumption*) kerana penurunan berat badan yang disebakkannya adalah satu penyakit yang melemahkan badan dan disalah anggap sudah lama kita tinggalkan dahulu. Benar, ia penyakit lama yang ditemui pada tahun 1880-an, tetapi hakikatnya ia masih wujud sehingga kini. TB adalah endemik di Malaysia sama seperti demam dengei dan terbaharu, COVID-19. Biarpun kesedaran awam adalah tinggi bagi kedua-dua penyakit tersebut, ramai di antara kita yang jarang memikirkan kewujudan dan ancaman TB dalam masyarakat.

Pandang sahaja bahagian atas lengan kita, sudah pasti kita akan ingat semula. Rakyat Malaysia ada parut suntikan vaksin BCG (*i.e. Bacille Calmette-Guerin*) yang diberikan semasa bayi dan di waktu sekolah rendah. Suntikan itu melindungi kita daripada TB. Mungkin sebab itu kita berasa selamat tetapi apa yang tidak kita ketahui adalah keberkesanannya semakin berkurang dari tahun ke tahun. Apabila kita sudah dewasa, ramai dalam kalangan kita yang sudah tiada imuniti.

ASAS TB

TB berpunca daripada bakteria *Mycobacterium tuberculosis*. Ia menyerang bahagian-bahagian berbeza pada tubuh badan. Paru-paru yang dirujuk sebagai tuberkulosis paru-paru (PTB), adalah organ paling biasa diserang. Tuberkulosis ekstrapulmonari (EPTB) adalah istilah yang digunakan untuk mengategorikan TB apabila ia nyata di bahagian lain badan, termasuklah nodus limfa, tulang (kebiasaannya tulang belakang) dan dalam kes yang jarang berlaku pada usus. Pesakit yang imunnnya tertindas seperti orang yang menghidap HIV, bakteria itu boleh



menyerang otak.

Mereka yang paling terdedah kepada jangkitan adalah orang tua, orang yang rendah imuniti seperti pesakit kencing manis, orang yang imunnnya tertindas seperti orang yang menjalani terapi steroid kronik dan penghidap HIV. Kanak-kanak juga lebih berisiko kerana sistem imun mereka masih lagi berkembang. Sebab itulah mereka diberikan suntikan BCG. Orang lain yang berisiko termasuklah mereka yang tinggal di ruang kediaman yang sesak seperti pekerja asing dan orang miskin kerana bakteria lebih mudah disebarkan.

Empat simptom utama PTB ialah batuk kronik, kuat berpeluh pada waktu malam, penurunan berat badan dan peningkatan suhu badan yang berulang pada waktu petang. Dalam manifestasi EPTB, penyakit TB menampakkan diri melalui nodus limfa yang membengkak, sakit belakang kronik dan tulang rapuh dan perut sensitif. Jika sudah menjangkiti otak, ia boleh menyebabkan sawan, sakit kepala, sering keliru dan perubahan dalam personaliti pesakit.

Salah satu cabaran dalam mengesan TB ialah ia tidak menampakkan sebarang gejala secara serta-merta.

"Anda barangkali sudah lama terdedah kepada bakteria TB. Ia kekal dorman atau tidak aktif di dalam badan dan berhibernasi. Gejala boleh muncul berbulan atau bertahun kemudian," kata Profesor James.

Permulaan simptom yang perlahan dan tidak ketara itu mungkin tidak mencetuskan sebarang amaran sehingga penyakit itu sudah teruk seperti apa bila anda mendapati diri anda batuk darah.

UJIAN TB

DIAGNOSIS TB ditentukan melalui beberapa ujian. Untuk PTB, x-ray pada paru-paru akan menunjukkan 'rongga'. Ia tanda jelas TB. Terdapat juga ujian air liur dan

ujian kulit. Dalam kes EPTB, biopsi tulang dan bahagian yang Bengkak perlu dilakukan.

Bila anda perlu berjumpa doktor? Peraturan praktikalnya ialah 'Jangan tunggu sampai batuk berdarah'. Jumpalah doktor jika anda batuk berterusan selama dua minggu. Dengan mengambil kira keadaan umum kesihatan anda, doktor akan tahu sama ada perlu melakukan ujian TB atau tidak. Jumpa doktor juga jika anda berpeluh-peluh pada waktu malam tanpa sebab dan mengalami penurunan berat badan bersekali nodus limfa membengkak atau sakit belakang yang kronik.

Beliau menjelaskan, sistem pemberitahuan yang baik sudah disediakan dalam sektor kesihatan awam. Apabila pesakit dikesan menghidap TB, doktor akan memberitahu pegawai kesihatan awam. Pegawai tersebut akan mulakan pengesanan kenalan untuk mengenal pasti orang yang berkemungkinan terdedah. Mereka akan menguruskan supaya orang-orang ini diuji.

BERJANGKIT ATAU TIDAK?

BERITA baiknya ialah walaupun TB berjangkit, ia tidak menular seperti COVID-19. Sama seperti semua penyakit pernafasan, TB disebarluaskan melalui titisan air yang datang daripada batuk atau air liur. Walau bagaimanapun, tidak seperti koronavirus, bakteria adalah berat. Oleh itu, ia perlu menjadi titisan air yang ketara.

"Anda perlu betul-betul berhubung rapat dan dalam situasi di mana berlakunya pendedahan yang berpanjangan. Secara umumnya, lebih daripada lapan jam sehari," kata Profesor James.

Antara contoh kenalan rapat ialah penjaga terdekat, rakan sepejabat atau mereka yang tinggal di dalam rumah yang sama. Seseorang yang mempunyai TB dorman atau tidak aktif, tidak boleh menjangkiti orang lain, termasuklah mereka yang menghidap EPTB, tanpa jangkitan itu diam di dalam paru-paru.

“Orang yang menghidap MDR/XDR TB boleh menyebarnya kepada orang lain. Malang bagi satu orang kerana apabila bakteria itu sudah tahan ubat, maka ia menjadi sangat sukar untuk dirawat. Kes-kes begini memerlukan banyak ubat alternatif melibatkan suntikan dan terapi yang lebih lama dengan tempoh sehingga dua tahun. Ia menjadi sangat, sangat rumit,” Profesor James memberi amaran.

Untuk mengelakkan kesilapan begitu, sistem kesihatan awam mempunyai protokol daftar masuk di mana mereka yang menjalani rawatan sentiasa dipantau untuk memastikan pemberian ubat yang betul.

Sebaik sahaja rawatan dimulakan, seseorang tidak akan dijangkiti dalam masa 10 hingga 14 hari. Di hospital, pesakit akan diasangkan tetapi tiada tempoh kuarantin yang ditetapkan. "Apa yang paling penting ialah memakai topeng dan basuh tangan anda dengan kerap," kata Profesor James.

BILANGAN TB

WALAUUPN Malaysia tidak berada di dalam 30 negara teratas Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mempunyai beban tinggi untuk TB, ia masih dianggap sebagai negara yang mempunyai kes jangkitan tinggi iaitu anggaran 92 orang bagi setiap 100,000 penduduk. Setiap tahun, antara 20,000 hingga 25,000 kes TB direkodkan yang mengakibatkan purata 1,500 hingga 2,000 kematian. (Perbandingan gambaran keseluruhannya: terdapat 50,000 hingga 100,000 kes demam dengei setahun, dengan kira-kira 100 kematian direkodkan).

Baru-baru ini, terdapat laporan mengenai peningkatan kes. Namun begitu, Profesor James menjelaskan trend dalam kes TB ada kaitan rapat dengan pelaksanaan protokol COVID-19. Pra-pandemik, pada 2018, Malaysia mencatatkan 25,837 kes. Semasa pandemik, pada 2020 dan 2021, kes menurun masing-masing kepada 23,644 dan 21,727.

Dengan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP), insiden TB meningkat kembali ke tahap pra-pandemik. Pada tahun 2022, 25,391 kes direkodkan walaupun kadar kekerapan jangkitan WHO menganggarkan kes sebenar sekitar 30,000.

APA YANG PERLU KITA LAKUKAN?

TIADA 'suntikan penggalak' untuk meningkatkan tahap imuniti terhadap TB. Cara terbaik untuk mengelakkannya adalah dengan memastikan gaya hidup sihat. "Secara amnya, seseorang yang sihat dengan sistem imun yang baik sepertinya dapat melawan TB sendiri," kata Profesor James.

Selain itu, adalah berbaloi untuk mengetahui gejala kerana rawatan awal itu penting. Jika dibiarkan terlalu lama, walaupun selepas pulih, TB boleh meninggalkan parut pada paru-paru yang akan mengekang kapasiti paru-paru seseorang buat selama-lamanya. "Apabila sudah pulih, jalalah pemakanan, bersenam dan jangan merokok. Anda boleh dijangkiti TB semula dan ketika itu ia boleh menjadi lebih teruk," kata Profesor James.

Pendidikan mengenai TB juga penting untuk mengelakkan stigma kepada mereka yang menghidapnya. Barangkali gambaran penyakit itu di dalam filem tidak membantu kerana TB sering dipaparkan sebagai 'penyakit kotor' dan pasti akan berakhir dengan kematian. Padahal, hakikat sebenar begitu jauh sekali dari gambaran itu. Persepsi begitu boleh menyebabkan kelewatan dalam mendapatkan rawatan kerana timbul rasa tidak berdaya, takut akan diasingkan dan disisih oleh masyarakat. Ingatlah, penyakit ini boleh disembuhkan dan ia boleh dihadapi oleh sesiapa sahaja.

Batuk tidak hilang? Pergilah berjumpa doktor. Jangan tunggu ia kembali pada hari lain.

1,350 asnaf, ibu tunggal di Labuan terima sumbangan Nur Ramadan kali ini



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SERAMAI 1,350 orang warga Labuan terdiri daripada golongan asnaf, fakir miskin, ibu tunggal, anak yatim, orang kurang upaya dan golongan miskin menerima sumbangan Nur Ramadan pada tahun ini.

Menurut kenyataan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), bantuan itu akan diagihkan secara berperingkat oleh Perbadanan Labuan (PL) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

"Penganjuran Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini dilaksanakan secara kerjasama strategik di antara JWP, PL dan MAIWP untuk menyantuni golongan yang memerlukan.

"Di samping itu menambahkan lagi nilai kasih sayang dalam kalangan warga Labuan di bulan Ramadan yang mulia ini, seterusnya



YANG di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berkenan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 100 orang golongan fakir miskin pada Majlis Nur Ramadan di Masjid An-Nur, baru-baru ini.

dapat memperkuuh dan memperkayakan interaksi antara pihak kerajaan bersama rakyat seiring dengan matlamat Malaysia Madani," menurut kenyataan itu.

Pada majlis sama, Yang di-Pertuan Agong, Al Sultan

Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah turut berkenan mengurniakan sumbangan wang tunai kepada 100 golongan fakir miskin di pulau ini.



YANG di-Pertuan Agong, Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah berkenan beramah mesra menyantuni rakyat pada Majlis Nur Ramadan.

Baginda berdua telah diiringi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Datuk Dr Luqman Abdullah.

Keberangkatan Seri Paduka Baginda berdua ke Majlis Nur Ramadan di Labuan mencerminkan keperibadian tinggi dan keprihatinan Seri Paduka berdua dalam menyantuni golongan asnaf dan miskin selain mendekati rakyat. **WK**



FADZLI (tujuh dari kanan) bersama Pengarah MKN menyampaikan sumbangan bantuan kit makanan dan kelengkapan asas kepada 12 buah keluarga di SPMP, baru-baru ini.

12 keluarga kebakaran di SPMP, terima bantuan pelbagai agensi

SEBANYAK 12 buah keluarga membabitkan 59 mangsa di Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) yang terlibat dalam kebakaran pada Sabtu lalu menerima bantuan kit makanan dan keperluan asas daripada pelbagai agensi, baru-baru ini.

Kebakaran yang berlaku pada Sabtu lalu itu telah menyebabkan 10 buah rumah musnah sepenuhnya dijilat api manakala dua buah rumah separuh musnah.

Antara agensi yang menyalurkan sumbangan adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM)

Labuan.

Pengurus MAIWP Labuan, Ustaz Md Fadzli Md Saad berkata pihaknya dalam proses mengumpul maklumat bagi menyalurkan bantuan secara *one-off* untuk meringankan beban mereka.

Mengulas lanjut, Pengarah MKN Labuan, Hafiez Mohd Daud berkata perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan yang akan diadakan dalam masa terdekat ini.

Turut hadir Ketua Unit Pembangunan Asnaf MAIWP Labuan, Ustaz Mohd Syukur Norfini dan Pegawai Bahagian Operasi APM Labuan, Lettenan Marinus Mathius. **WK**

Hotel Tiara rai 25 anak yatim terpilih sempena bulan Ramadan

SERAMAI 25 orang anak yatim dan kurang berkemampuan diraikan oleh Hotel Tiara menerusi Majlis Iftar Ramadan yang diadakan di hotel berkenaan, baru-baru ini.

Majlis meraikan golongan itu merupakan acara tradisi pihak Hotel Tiara menjelang bulan Ramadan.

Selain itu, majlis yang penuh bermakna itu turut mendapat kerjasama daripada Syarikat Labuan Shipyard Engineering Sdn Bhd.

Menurut Pengurus hotel, Eugine Chin, pada tahun ini pihaknya telah mempelawa seramai 25 orang anak yatim dan kurang berkemampuan yang dipilih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk diraikan dalam Majlis Iftar Ramadan.



EUGINE Chin (empat dari kiri) bersama jemputan terhormat menyampaikan duit dan kit raya kepada anak-anak yatim pada Majlis Iftar Ramadhan baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM207



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM207".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **15 APRIL 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 209.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 205

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM205:

SITI NURUL FATIMAH ATHIYAH
SHEIKH ALLUDDIN
(9 tahun)
Cheras, Kuala Lumpur

PUTRA NOH ILZAM NORDIN
(11 tahun)
Kota Kemuning, Selangor

SYAFIQ HAZEEM ABDUL GHANI
(8 tahun)
Presint 11, Putrajaya



Karya Adik Siti Nurul Fatimah

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK205:


AHMAD MURSYIDI AZMAN
(31 tahun)
Keramat Permai, Kuala Lumpur

SITI MASHITAH MOHD AJMAIN
(49 tahun)
Salak Tinggi, Selangor

NURUL NABILLA MUSTAPHA
(38 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan



TEKA SILANG KATA SK207



MELINTANG

1. Sudah tentu
5. Sejenis ikan air tawar
6. Kenderaan tahan lasak
7. Penawaran/penerimaan
10. Batas/lingkungan

KE BAWAH

1. Akibat
2. Dipakai di kaki
3. Lalai
4. Keluar bila dibakar
8. Bab dalam Al-Quran
9. Nama lelaki

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK207".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **15 APRIL 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 209.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



KHAIRUL IDIN

SETIAP kali tibanya bulan Ramadan, selain mengunjungi bazar sudah pasti ramai yang mencari lokasi santai untuk berbuka puasa bersama keluarga dan rakan.

Di Labuan misalnya, dataran yang terletak di tengah bandar pulau tersebut menjadi lokasi pilihan wajib setiap kali tibanya waktu berbuka puasa.

Bukan sahaja kerana kawasannya yang strategik malah ia turut berdekatan dengan Bazar Labuan Walk hanya kira-kira 15 meter dari lokasi tersebut.

Ia secara tidak langsung memudahkan orang ramai membeli juadah berbuka puasa sekali gus bersantai sambil menikmati juadah yang dibeli.

Tinjauan Wilayahku baru-baru ini mendapati kawasan itu mula dipenuhi orang ramai seawal pukul lima petang.

Menariknya, rata-rata pengunjung mengambil peluang berbuka puasa sambil menikmati pemandangan matahari terbenam

Berbuka puasa sambil nikmati matahari terbenam

yang mempersonakan.

Menurut salah seorang pengunjung, Siti Noramira Amiruddin, 20, kawasan terbuka seperti itu memberikan ketenangan kepada dirinya dan rakan-rakan.

"Sebagai pelajar sudah pasti saya sukakan suasana yang tenang setelah seharian penat dengan kelas dan mengulang kaji pelajaran," ujarnya mengakui seawal pukul 5 petang dia dan rakan-rakannya berkumpul dan akan membeli juadah di bazar terlebih dahulu.

Sementara itu, Mohd Norizilin Isa Japar, 27, berkata suasana berbuka puasa beramai-ramai sangat meriah berbanding pengalaman berbuka bersendirian.

"Tempat ini memang meriah dan menjadi tumpuan kerana pemandangan yang menarik. Setakat ini saya sudah beberapa kali ke sini bersama keluarga dan

kadangkala bersama rakan-rakan.

"Di sini lebih menarik berbanding kedai makan. Kami akan membeli juadah di bazar Ramadan dan berbuka bersama-sama sambil berborak," ujarnya yang tiba seawal pukul 5.30 petang untuk mencari tempat yang sesuai.

Bagi penjawat awam, Zino Limau, 35, pula menyifatkan kemeriahan di kawasan itu menjadi tumpuan utama dia dan keluarga untuk datang berbuka puasa.

"Saya suka dengan suasannya yang meriah dan anak pun suka kerana mereka lebih bebas ditambah pula dengan wajah baharu dataran sekarang."

"Selain itu, dari segi kemudahan seperti tong sampah juga turut memudahkan pengunjung untuk membuang sampah dan sebagainya," ujarnya kepada Wilayahku. **WK**



ORANG ramai menjadikan Dataran Labuan sebagai lokasi berbuka puasa bersama keluarga dan rakan.



Minggu Infaq Putrajaya sarat aktiviti kerohanian, serikan Ramadan 1444H



SABRINA SABRE

RAMADAN membuka ruang kepada setiap umat Islam untuk melakukan amal kebajikan bagi mendapatkan ganjaran istimewa melebihi bulan lain dan antara amalan yang digalakkan adalah bersedekah.

Bagi menggalakkan orang ramai menderma sekali gus menambah pahala dalam bulan Ramadan, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan Program Minggu Infaq Putrajaya bermula 24 Mac hingga 14 April 2023 bertempat di Padang Dataran Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan PPj, **Mohd Ali Jusoh**, program kemasyarakatan yang bermula dari pukul 5 petang sehingga 9 malam itu adalah bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan di sekitar Putrajaya.

"Sumbangan berbentuk wang tunai dan barang keperluan asas seperti beras, minyak, gula



KAUNTER serahan barang dan tabung infaq telah dibuka pada 24 Mac hingga 14 April 2023 bertempat di Padang Dataran Putrajaya.

dan lain-lain itu diharap dapat mengurangkan beban tanggungan keluarga, membina keupayaan bagi meningkatkan pendapatan seterusnya mensejahterakan kehidupan warganya dalam menyambut perayaan Aidilfitri akan datang.

"Selain beramal sambil menderma, program yang bermula sejak 2018 itu juga adalah bagi mempromosikan kewujudan sudut infaq di surau-surau

Putrajaya kepada komuniti," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Mohd Ali berkata melalui program tersebut, sudut infaq di Gerobok Rezeki Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan sembilan buah surau terpilih di Putrajaya dapat dipenuhi dengan stok barang asas untuk didermakan kepada golongan asnaf.

"Kita bantu kumpul dan tambah stok-stok barang untuk disalurkan ke

sudut infaq tersebut. *Alhamdulillah* sejak lima tahun lalu, ia mendapat sambutan bukan sahaja dalam kalangan individu persendirian bahkan pihak syarikat dan badan korporat juga turut menderma.

"Saya ingin menyeru lebih ramai pihak untuk tampil menghulurkan sumbangan bagi membantu golongan asnaf yang serba kekurangan ini. Kami amat memerlukannya dan sokongan

daripada orang ramai," tambahnya turut berharap pada tahun ini pihak PPj mencapai jumlah sasaran sebanyak RM10,000 melalui tabung-tabung disediakan selain sumbangan yang diterima daripada syarikat-syarikat di Putrajaya.

Dalam pada itu, beliau berkata Program Minggu Infaq pada tahun ini berbeza dari tahun sebelumnya kerana pengunjung akan turut diserikan dengan Tazkirah Muzikal daripada selebriti hijrah dan penceramah sebelum berbuka puasa di pentas Festival Ramadan Putrajaya (FRP) 2023.

"Tazkirah Muzikal ini bertujuan bagi mempromosi Minggu Infaq selain menerapkan nilai-nilai kerohanian dalam diri melibatkan komuniti Putrajaya yang hadir ke Festival Ramadan Putrajaya untuk berbuka puasa.

"Lebih menarik, program ini dijalankan selama enam hari iaitu pada 24, 25, 26 Mac dan 7, 8, 9 April yang menampilkan penceramah seperti Ustazah Datuk Dr Norhafizah Musa, Ijam Medicine, PU Amin dan lain-lain," ujarnya pelbagai pengisian telah disusun bagi meraikan pengunjung yang berkunjung ke Laman Iftar serta FRP2023. **W.K.**

Berbuka puasa sambil bersantai di Padang Dataran Putrajaya

SELAIN menikmati bufet di hotel-hotel mewah, kawasan padang atau sekitar dataran turut menjadi lokasi popular serta 'wajib' buat orang ramai untuk berbuka puasa bersama keluarga dan juga sahabat handai terutama pada hujung minggu.

Salah satu lokasi yang menjadi tumpuan pengunjung untuk berbuka puasa ialah Padang Dataran Putrajaya, Presint 3 yang terletak berhadapan dengan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj).

Padang Dataran Putrajaya yang terletak berhadapan dengan Istana

Kehakiman dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin ini menjadi tumpuan warga Putrajaya untuk berbuka puasa kerana terdapat pelbagai pilihan tempat untuk membeli makanan baik di restoran maupun di bazar Ramadan.

Selain dapat berbuka beramai-ramai, pengunjung juga dapat menikmati keindahan pemandangan sekitar Putrajaya pada waktu malam yang sungguh menarik.

Orang ramai juga boleh berkunjung ke Anjung Syawal

yang diadakan bersebelahan lokasi tersebut bagi mendapatkan keperluan serta kelengkapan bagi sambutan Aidilfitri kelak.

Lebih menarik, pelbagai aktiviti kerohanian turut diadakan bagi mengimarakkan lagi bulan Ramadan pada kali ini antaranya adalah Program Minggu Infaq Putrajaya 2023 dengan berkonsep Tazkirah Muzikal yang menampilkan beberapa selebriti hijrah dan pendakwah untuk menghiburkan para pengunjung.

W.K.



ORANG ramai bersantai di Padang Dataran Putrajaya sambil menanti waktu berbuka puasa.

PROGRAM
Ta'zirah Muzikal
SEMPENA MINGGU INFQ PUTRAJAYA 2023

7/4/2023 | JUMAAT
Rowan Belonge
USTZ DATO NORHAZAH MUSA
BACAAN AL-QURAN

8/4/2023 | SABTU
UAM MEDICINE
BERZANJI

9/4/2023 | AHAD
Pencetus Ummah Amin
NASYID SEK REN

Afad Raihan (Moderator & Singer)

Masa : 5.30 Petang ~ 8.00 Malam
Tempat : Pentas Utama Festival Ramadan

Menembak hilangkan tekanan

Muhammad Hakimi fokus cipta kejayaan

SABRINA SABRE

TEKNAN yang tidak diuruskan dengan baik mampu menjadikan faktor kesihatan dan kerana itu kita disaran menjadikan aktiviti sukan sebagai rutin bagi menghilangkan tekanan.

Mengakui kebenaran tersebut, penembak muda, Muhammad Hakimi Zulkifli berkata menembak mempunyai keistimewaan tersendiri yang dapat menghilangkan tekanan apabila individu tersebut fokus ke arah sasaran.

"Percayalah, ketika itu kita akan terlupa tentang masalah yang dihadapi untuk sekutik. Ia merupakan satu teknik melepaskan geram seiring dengan bidikan tersebut."

"Menjadikan aktiviti menembak sebagai rutin bukanlah perkara yang sia-sia memandangkan ia memiliki keistimewaan tersendiri seperti mendidik diri untuk berdisiplin, fokus serta memupuk minat terhadap aktiviti mencabar," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menyingkap permlaannya dalam sukan tersebut, atlet berusia 19 tahun itu berkata minat terhadap sukan menembak tercetus sejak kecil lagi apabila dia selalu mengikut bapanya, Zulkifli Omar, ke lapang sasar selain ber-



AKSI/Muhammad Hakimi ketika Kejohanan SUKMA XX/MSN.

bekalkan minat yang mendalam terhadap sukan itu.

"Minat mendalam dalam sukan ini menjadikan saya lebih bersemangat untuk menyumbangkan pingat emas dalam setiap acara disertai ditambah pula dengan

dorongan kaum keluarga yang tidak putus-putus memberi galakan dan sokongan tidak berbelah bahagi," ujar anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini.

Mula menembak seawal usia 12 tahun, atlet Wilayah Persekutuan

ini memiliki cara yang tersendiri untuk kekal fokus ketika menembak.

"Setiap orang mempunyai cara tersendiri, bagi saya antara kunci utama adalah tidur yang cukup antara tujuh hingga lapan jam, pe-

Pencapaian Muhammad Hakimi

2022 - Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN - Emas

2022 - Kejohanan Menembak 1st Malaysia Junior Shooting Championship - Tempat kelapan

2022 - Kejohanan Terbuka Menembak - Tempat ketiga

makanan seimbang serta membuat latihan fizikal untuk mengekalkan kecerdasan minda," ujar pelajar jurusan Pembinaan Bangunan di Kolej Komuniti Bentong ini.

Di samping itu, atlet kelahiran Kuala Lumpur ini berkata sebagai seorang atlet, segala cabaran, kecederaan serta kesukaran dialami harus diketepikan sebaik kaki menapak memasuki lapang sasar menembak dan wajib digantikan dengan semangat juang yang tinggi.

"Cabaran paling utama adalah kerana sukan ini memerlukan atlet berlawan dengan diri sendiri secara individu untuk mengutip mata yang memerlukan. Selain itu, kita harus rajin berusaha memperbaiki prestasi persembahan di gelanggang pertandingan," tambahnya latihan berterusan sangat penting untuk meningkatkan teknik dan ilmu menembak. **WK**

"Cabaran diterima, ibu," kata atlet terjun muda Eilisha Rania

JANGAN sesekali menyesali keputusan anda untuk meneruskan aktiviti terjun, tetapi ingat ia tidak selalunya mudah."

Itulah kata-kata daripada bekas atlet terjun wanita Sarawak Victory Emmy, 39, kepada anak perempuannya yang juga atlet terjun muda negara Eilisha Rania Abrial Rajagopal.

Eilisha baru berusia tujuh tahun ketika menyahut cabaran ibunya itu, tanpa mengetahui bagaimana masa depannya dalam arena sukan terjun.

"Semuanya bermula apabila saya dipilih menjadi penerjun ketika sekolah rendah. Ibu dan jurulatih bertanya sama ada saya benar-benar minat sukan terjun dan saya jawab ya," katanya ketika ditemui pada Kejohanan Terjun Kumpulan Umur Jemputan Malaysia (MIAG) ke-58 di sini.

Sejak itu, atlet berusia 17 tahun ini berdepan jatuh bangun ketika dia berusaha tanpa lelah untuk cuba mencipta nama sebagai penerjun negara.

Selain ibunya, Eilisha turut ber-

terima kasih kepada bapanya Abrial Rajagopal, 43, yang disifatkan sebagai tonggak kekuatannya.

Penerjun kelahiran Kuching, Sarawak itu pernah hampir berputus asa, namun bapanya terus mendorongnya untuk meneruskan perjuangan.

"Saya hampir menarik diri daripada mewakili Sarawak pada SUKMA (Sukan Malaysia) 2016, tetapi bapa saya mendorong saya untuk bertanding dan saya tidak pernah menyangka yang saya boleh memenangi dua pingat pada penampilan pertama di sana," katanya.

Pada temasya itu, Eilisha merangkul pingat gangsa pada acara 10 meter (m) platform wanita dan pingat emas menerusi acara 10m platform seirama wanita dengan seorang lagi atlet terjun negara Kimberly Bong.

Selepas membuat kemunculan semula daripada kecederaan lutut yang dialaminya pada 2021, Eilisha kini berhasrat untuk beraksi lagi.

Justeru, beliau berharap dapat membawa pulang pingat emas :

dalam acara 10m platform wanita pada Sukan SEA 2023 di Phnom Penh, Kemboja nanti.

"Persediaan saya untuk Kemboja

kini 80 peratus. Saya harap dapat lakukan dengan baik dalam penampilan pertama saya di Sukan SEA," katanya dan menambah

beliau turut bercita-cita untuk layak ke Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles, Amerika Syarikat. **- BERNAMA**



EILISHA RANIA

TRIVIA

Maskot Sukan SEA Kemboja 2023 ialah dua arnab bernama **Borey (Lelaki)** dan **Romdoul (Wanita)** melambangkan seni mempertahankan diri tradisional negara tuan rumah (Kemboja) dengan pakaian Bokator manakala Arnab jantan membawa nama Borey yang melambangkan perpaduan.



CAMBODIA 2023

32nd SEA GAMES

30 HARI LAGI

Demi Malaysia



YWP julung kali rai 10 kakitangan cemerlang

HAZIRAH HALIM

SERAMAI 10 kakitangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang julung kali diadakan.

Penganugerahan ini diadakan bagi menghargai kecemerlangan dan keupayaan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan sepanjang tahun 2022 kepada syarikat termasuklah warga Wilayah Persekutuan.

Penerima Anugerah Khas Setia Perkhidmatan, **Mohd Ali Daud menyifatkan** anugerah ini adalah hadiah paling bermakna buatnya setelah 27 tahun berkhidmat dengan YWP.

"Alhamdulillah, terima kasih keluarga dan rakan-rakan. Sejak berkhidmat di YWP dari tahun 1996 sehingga kini, inilah hadiah pertama yang dirangkul dan sudah pasti ia cukup bermakna dan gembira buat saya," katanya yang sedang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Kanan P.E.S.A.T.



NOOR HASNI



ARIFF AZMAN



Sementara itu, Pembantu Tadbir Grafik Jabatan Media dan Komunikasi Strategik, **Muhammad Ariff Noor Azman Shah** turut merangkul dua anugerah iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang selain kategori kakitangan sokongan masa depan dan bakat.

"Saya menghargai segala yang diberi dan terima kasih diucapkan khususnya kepada semua penilai, ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan moral dan fizikal serta pengurusan besar di Jabatan saya iaitu Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir kerana percaya dengan kerja saya sejak tahun 2019 sehingga kini."

Dalam pada itu, APC turut meraikan kakitangan dengan mem-

berikan 10 hadiah santai antaranya terpaling sporting, terpaling anggun, terpaling serius, terpaling rajin dan sebagainya.

Bagi penerima anugerah terpaling glamour, **Wan Noor Hasni Chek Hani**, sentiasa ingin kelihatan cantik, kemas dan bergaya adalah antara faktor yang menyebabkan dia menerima anugerah kategori tersebut.

Terdahulu, pemilihan penerima anugerah APC dinilai berdasarkan prestasi dalam perkhidmatan yang merangkumi seluruh kakitangan Jabatan di YWP termasuklah anak syarikat iaitu Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) dan YWP Media Sdn Bhd (Akhbar Wilayahku). **WK**

TV AlHijrah terus jadi pilihan, fokus menyatupadukan ummah

SETIAP kali tibanya Ramadan, TV AlHijrah antara stesen televisyen yang menjadi pilihan masyarakat.

Seiring dengan matlamatnya mahu terus menyatupadukan ummah, TV AlHijrah menampilkan pelbagai pengisian menarik yang disiarkan sepanjang bulan yang mulia ini.

Mengangkat tema Imarahkan Ramadan #EratkanJalinan sebagai aspirasi penyiaran sepanjang tempoh dua bulan mendatang, TV AlHijrah menyajikan program-program istimewa di TV mahupun program turun padang bagi memenuhi ruang rohani penonton.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah, **Namanzee Harris**, kesemua program tersebut disusun dengan teliti agar objektif untuk mendidik jiwa, menghiburkan dan memperbaiki kondisi dan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dapat dicapai.

"Kempen Ramadan TV AlHijrah didokong dua inisiatif utama. Pertama adalah penerbitan dan penyiaran 17 rancangan baharu dalam genre dokumentari, bual bicara, masakan, kerohanian, drama, telefilem, hiburan Islamik dan filem. Keseluruhan 29 jam penerbitan telah diperuntukkan untuk sajian rancangan Ramadan ini.

"Inisiatif kedua melibatkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Jika pada tahun-tahun sebelum ini, hanya satu Program CSR diperkenalkan, pada tahun ini TV AlHijrah akan melancarkan dua program atas permintaan ramai," ujarnya pada Majlis Pelancaran Program Ramadan TV AlHijrah di Zebra Square, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Antara program menarik yang bakal bersiaran di TV AlHijrah ialah Peristiwa Ramadan, Rehlah Ruh Haramain, Khatam Al-Quran

Perdana, Cinta Ilmu Istimewa Ramadan, Cinta Ilmu Qiam, Kerusi Lipat dan Ihya Ramadan.

Diikuti Camca Ramadan, Camca Viral, Assalamualaikum Sahur, Kapsul Taranum Challenge, Sembang Moreh, Dokumentari Legasi Mushaf dan Matahati Madani serta tidak ketinggalan drama Kesempatan Kedua dan telefilem Sis Fika.

Bukan itu sahaja, TV AlHijrah juga turut menganjurkan Program CSR iaitu mengagihkan bubur lambuk di lima lokasi tumpuan ramai sekitar Kuala Lumpur dan Selangor oleh Skuad Bubur Lambuk TV AlHijrah.

Sebanyak 1,000 bungkus bubur lambuk diedarkan di lokasi-lokasi tersebut termasuk Hospital Besar Kuala Lumpur dan stesen LRT dengan menggunakan khidmat 15 orang rider motosikal.

Satu lagi Program CSR yang

bakal menarik perhatian ramai ialah AlHijrah On The Bus iaitu inisiatif membawa masyarakat Malaysia kurang berkemampuan pulang ke kampung untuk berhari raya.

AlHijrah On The Bus yang baru sahaja diperkenalkan tahun ini menyediakan empat buah bas dengan

rumusan ikan bagi mengurangkan penggunaan tepung ikan dan telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa Norway dan European Union.

"Tumbuhan ini telah digunakan secara meluas dalam makanan rumusan salmon, tilapia dan kap. Tiada laporan secara spesifik berkaitan kesan negatif kepada manusia yang memakan ikan tilapia yang telah diberi makan GM soya atau jagung oleh FAO (Food and Agriculture Organisation), CODEX dan USFDA (United States Food and Drug Administration).

"CODEX, WHO dan FDA sebagai organisasi yang bertanggungjawab pasti menyedari kesan dan akibat sekiranya ikan tilapia tidak selamat kepada pengguna," ujarnya DOF telah memantau 200 ladang-ladang akuakultur yang mempunyai sijil myGAP dan kawalan penyakit bagi menjamin kualiti pengeluaran sumber akuakultur negara.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain turut menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dengan hebahan palsu seperti ini yang dilihat boleh menjadikan industri akuakultur negara. **WK**

kapasiti 180 penumpang akan melalui rangkaian jalan raya di utara, selatan dan timur membawa mereka yang terpilih untuk pulang beraya secara percuma.

Untuk maklumat lanjut boleh layari laman sesawang TV AlHijrah, www.tvalhijrah.com. **WK**



NAMANZEE (tengah, barisan belakang) bersama sebahagian pengacara TV AlHijrah.